

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENERAPAN NILAI-NILAI
MURNI DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR**

Tesis diserahkan kepada Sekolah Siswazah untuk memenuhi sebahagian
daripada keperluan ijazah Sarjana Sains (Pengurusan),
Universiti Utara Malaysia

Oleh

Tan Ai Lee



**Sekolah Siswazah
(Graduate School)
Universiti Utara Malaysia**

**PERAKUAN KERJA TESIS SARJANA
(CERTIFICATION OF MASTER'S THESIS WORK)**

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
We, the undersigned, certify that

TAN AI LEE

(nama penuh/full name)

calon untuk ijazah

candidate for the degree of Sarjana Sains (Pengurusan)

telah mengemukakan tesisnya yang bertajuk

has presented his/her thesis of the following title:

Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Penerapan Nilai-nilai Murni

Di Kalangan Pelajar-pelajar

(seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis)

as it appears on the title page and front cover of thesis

bahawa tesis tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan, dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.

that the thesis is acceptable in form and content, and that a satisfactory knowledge of the field is covered by the thesis.

AJK Thesis

Thesis Committee

(i) Nama/Name: P.M. Hj. Abdul Razak Ismail

(Penyelia Utama/Principal Supervisor)

Tandatangan
Signature:

Tan Ai Lee

(ii) Nama/Name: Pn. Faridahwati Shamsudin

Tandatangan
Signature:

Faridahwati

(iii) Nama/Name:

Tandatangan
Signature:

Tarikh/Date: 27/12/95

KEBENARAN MENGGUNA

Dalam menyerahkan tesis ini, sebagai memenuhi keperluan pengajian lepasan ijazah Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa pihak perpustakaan UUM mengadakan tesis ini bagi tujuan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk membuat salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya, bagi tujuan akademik mestilah mendapat kebenaran daripada penyelia saya, atau semasa ketiadaan beliau, kebenaran tersebut boleh diperolehi daripada Dekan Sekolah Siswazah. Sebarang penyalinan, penerbitan atau penggunaan ke atas keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini, untuk pemerolehan kewangan tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Di samping itu, pengiktirafan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia seharusnya diberikan dalam sebarang kegunaan bahan-bahan yang terdapat dalam tesis ini.

Permohonan untuk kebenaran membuat salinan atau kegunaan lain, sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya, boleh di buat dengan menulis kepada:

**Dekan
Sekolah Siswazah,
Universiti Utara Malaysia
06010, Sintok, Jitra,
Kedah Darul Aman**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Antara faktor-faktor yang ditentukan termasuk pengaruh ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, pengaruh media massa, pengaruh guru sebagai peranan model dan pengaruh pengajaran guru. Kajian ini adalah berdasarkan kaedah soal selidik yang melibatkan sampel yang terdiri daripada 341 pelajar-pelajar Tingkatan Empat di semua sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan Daerah Hilir Perak. Dapatan daripada kajian menunjukkan bahawa terdapat perhubungan positif yang signifikan di antara pengaruh ibu bapa, pengaruh guru sebagai peranan model, pengaruh pengajaran guru dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Dapatan juga menunjukkan terdapat perhubungan negatif yang signifikan di antara pengaruh media massa dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Tiada terdapat perhubungan yang signifikan di antara pengaruh rakan sebaya dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan di antara jantina, bangsa dan agama dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Walau bagaimanapun, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar yang mempunyai jenis pekerjaan, pendapatan bulanan dan tahap pendidikan ibu bapa mereka yang berlainan. Kajian ini menunjukkan bahawa pentingnya perlaksanaan pendidikan nilai merentasi

kurikulum dijalankan dengan efektif, sistem peraturan sekolah yang lebih ketat, aktiviti ko-kurikulum yang berfaedah serta pembinaan pemuaafakan antara sekolah, keluarga dan komuniti dijalankan dengan lebih berkesan.

ABSTRACT

This study aims to determine the factors affecting the assimilation of noble values among students. The factors studied include the influence of parents, peer group, mass media, the influence of teacher as role model and the influence of teaching by the teacher. A questionnaire survey involving a sample of 341 Form Four students at all Government aided Secondary School in the Lower Perak District was administered. The results indicate that the influence of parents, the influence of teacher as role model and the influence of teaching by the teachers were positively and significantly associated with the assimilation of noble values among students. The findings also suggest that the influence of mass media was negatively and significantly related to the assimilation of noble values among students. It was found that there was no significant relationship between the influence of peers with assimilation of noble values among students. The findings also shows that there is a significant difference among various sexes, races and religious beliefs of the students with regards to the assimilation of noble values. However, there is no significant difference in the assimilation of noble values among students whose parents are different in terms of occupation, monthly income and level of education. The study shows that it is important to ensure that the implementation of noble values education carried across the curriculum, of a strictier school regulation system, of beneficial co-curriculum activities and the collaboration among the school, the family and the community be carried out more effectively.

PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Pengarah Institut Aminuddin Baki, Dr. Ibrahim bin Bajunid** atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan akademik dan iktisas sebagai seorang pegawai perkhidmatan awam. Terima kasih juga diucapkan kepada **Dekan Sekolah Siswazah, Profesor Madya Dr. Ibrahim Abd. Hamid** dalam memberi segala bantuan dan kerjasama dan menjayakan pendidikan dan penyelidikan saya.

Jutaan terima kasih kepada **Profesor Madya Tn Hj Abdul Razak Ismail** selaku penyelia pertama tesis ini di atas segala tunjuk ajar, bimbingan , galakan serta sifat yang amat bertimbang rasa yang telah diberikan kepada saya. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada **Pn. Faridahwati bt Mohd. Shamsudin** selaku penyelia kedua tesis di atas kesanggupan pergorbanan masa dan berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam membimbing dan memberikan tunjuk ajar kepada saya sehingga terhasilnya tesis ini. Saya berdoa semoga segala usaha dalam hidup mereka diberkati oleh Tuhan.

Penghargaan dan terima kasih juga saya hulurkan kepada **Pengetua-pengetua sekolah** dan **responden-responden** di atas kerjasama yang telah diberikan kepada saya semasa menjalankan kajian ini, kerana tanpa kerjasama mereka tentu sekali tesis ini tidak terhasil. Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada **En. Leong Sow Chew** yang telah memberi tunjukajar dalam penggunaan komputer. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada **suami** saya atas segala kerjasama dan sokongan dalam pelbagai aspek dan juga **ibu bapa** serta **adik** saya yang sentiasa berperanan sebagai sumber rangsangan, inspirasi dan kasih sayang.

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
KEBENARAN MENGGUNA	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
SENARAI JADUAL	x
BAB	
1 PENGENALAN	1
Pernyataan Masalah	1
Objektif Kajian	6
Ringkasan Rekabentuk Kajian	7
Pentingnya Kajian	8
Deskripsi Bab-Bab Selanjutnya	8
2 ULASAN KARYA	10
Definisi Konsep	10
Ulasan Karya	17
Kesimpulan	28
3 METODOLOGI PENYELIDIKAN	32
Hipotesis Penyelidikan	32
Rekabentuk Penyelidikan	34
Sampel Penyelidikan	34
Kaedah Pengumpulan Data	36

Rekabentuk Soal Selidik	39
Kadar respon dan Ciri-ciri Responden	42
Pengukuran Pembolehubah-pembolehubah	46
Pengaruh Ibu bapa	47
Pengaruh Rakan Sebaya	48
Pengaruh Media Massa	49
Pengaruh Guru Sebagai Peranan Model	49
Pengaruh Pengajaran Guru	50
Penerapan Nilai-nilai Murni oleh Pelajar-pelajar	
Sendiri	51
Jenis Pekerjaan Ibu bapa	52
Pendapatan Bulanan Ibu bapa	53
Deskripsi Umum mengenai Prosedur Statistik	53
Kesimpulan	55
4 KEPUTUSAN KAJIAN	56
Statistik Deskriptif	56
Keputusan Hipotesis	57
Hipotesis 1	58
Hipotesis 2	58
Hipotesis 3	58
Hipotesis 4	59
Hipotesis 5	59
Hipotesis 6	61
Hipotesis 7	61

Hipotesis 8	62
Hipotesis 9	63
Hipotesis 10	63
Hipotesis 11	64
Kesimpulan	65
5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	66
Perbincangan	66
H1: Hubungan antara pengaruh ibu bapa dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar- pelajar	66
H2: Hubungan antara pengaruh rakan sebaya dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar- pelajar	68
H3: Hubungan antara pengaruh media massa dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar- pelajar.	70
H4: Hubungan antara pengaruh guru sebagai peranan model dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar	72
H5: Hubungan antara pengaruh pengajaran guru dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar- pelajar	74
H6: Perbezaan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam penerapan nilai-nilai murni	76

H7: Perbezaan di antara pelajar-pelajar berbangsa Melayu, Cina dan India dalam penerapan nilai-nilai murni	79
H8: Perbezaan di antara pelajar-pelajar beragama Islam, Buddha, Hindu dalam penerapan nilai-nilai murni	79
H9, H10 dan H11: Perbezaan di antara jenis pekerjaan ibu bapa, pendapatan bulanan ibu bapa dan tahap pendidikan ibu bapa pelajar-pelajar yang berlainan dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar	81
Implikasi Untuk Latihan dan Penyelidikan	82
Implikasi untuk Pengurus dan Pihak Pengamal	82
Implikasi untuk Teori dan Penyelidikan Akan Datang	86
Limitasi Kajian	87
Kesimpulan	88
BIBLIOGRAFI	89
LAMPIRAN A	
Sekolah-sekolah Bantuan Penuh Daerah Hilir Perak	93
LAMPIRAN B	
Soal Selidik Penerapan Nilai-nilai Murni	94

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.0 Ciri-ciri dan Profil Responden (n=341)	43
3.1 Peratus untuk Jenis Pekerjaan Ibu bapa, Pendapatan Bulanan Ibu bapa dan Tahap Pendidikan Ibu bapa Responden (n=341)	45
4.0 Min dan Sisihan Lazim untuk Pembolehubah-pembolehubah Bebas dan Bersandar (n=341)	57
4.1 Matriks Korelasi Di antara Pembolehubah-Pembolehubah (n=341)	60
4.2 Keputusan Ujian t: Jantina dengan Penerapan Nilai-nilai Murni di Kalangan Pelajar-pelajar	61
4.3 Keputusan Analisis Varians (ANOVA) Antara Bangsa, Agama Dengan Penerapan Nilai-nilai Murni di Kalangan Pelajar-pelajar	63
4.4 Keputusan Analisis Varians Antara Jenis Pekerjaan Ibu bapa, Pendapatan Bulanan Ibu bapa dan Tahap Pendidikan Ibu bapa Dengan Penerapan Nilai-nilai Murni di Kalangan Pelajar-pelajar	64

BAB 1

PENGENALAN

PERNYATAAN MASALAH

Sejak kebelakangan ini, banyak isu sosial mengenai remaja telah diperkatakan. Isu-isu seperti bohsia, budaya lepak, penyalahgunaan dadah, pergaulan homoseksual dan sebagainya banyak berlaku. Golongan remaja sekarang senang dipengaruhi oleh rakan-rakan sebaya, media massa, budaya Barat serta gejala sosial yang lain. Isu-isu ini memang dipandang berat oleh masyarakat kerana golongan remaja merupakan pelapis yang penting dalam pembentukan negara yang lebih mantap dan sihat di masa akan datang.

Pembentukan negara ke arah negara maju seperti yang diharapkan pada tahun 2020 bermatlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju sepenuhnya (Mahathir Mohamad, 1991). Negara Malaysia bukan sekadar ingin maju dari segi ekonomi, tetapi juga ingin maju berdasarkan sistem nilai. Prinsip ini ditekankan dalam Cabaran Keempat Wawasan 2020 yang menyentuh tentang mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika (Mahathir Mohamad, 1991). Malaysia ingin membangun menjadi sebuah negara yang maju dan mantap dengan warganegara yang bukan sahaja berkeyakinan serta bersatu-padu tetapi juga berpegang teguh kepada nilai-nilai murni.

Penerapan nilai-nilai murni dalam kehidupan rakyat Malaysia penting kerana masyarakat Malaysia tidak mahu maju seperti majunya negara Barat yang lebih terpengaruh dengan kebendaan semata-mata dan mengabaikan aspek moral dan kerohanian yang mengakibatkan berlakunya berbagai masalah sosial di kalangan masyarakat Barat.. Justeru itu, rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbagai keturunan perlulah lebih memahami serta menghayati penerapan nilai-nilai murni yang baik demi untuk menjaga keharmonian dan perpaduan kaum. Antara nilai-nilai murni yang boleh diamalkan bersama oleh rakyat Malaysia termasuklah sikap bertoleransi, berdisiplin, hormat-menghormati, kejujuran, bekerjasama dan lain-lain lagi.

Dalam usaha menuju kemajuan berdasarkan sistem nilai ini, masyarakat Malaysia menghadapi banyak cabaran dari luar maupun dalam negara. Selain itu, cabaran dari dalam diri individu juga tidak kurang pentingnya. Usaha seseorang individu dalam mengubah sikapnya adalah satu cabaran yang amat sukar dicapai. Keinginan dalam mendisiplinkan diri demi untuk menghadapi perubahan sesuatu sikap tidak mudah dilakukan. Ini merujuk kepada hasutan yang datangnya dari dalam diri sendiri yang sentiasa inginkan individu itu melakukan kejahanatan. Ini seringkali menyebabkan seseorang itu melakukan sesuatu kesalahan bukan atas sebab ia tahu ia salah tetapi kerana kegagalan individu itu untuk mengawal hawa nafsu. Oleh kerana itu cabaran-cabaran ini harus diatasi dan diharapkan penerapan nilai-nilai yang baik dapat membina masyarakat yang tahan dan kuat menghadapi cabaran-cabaran tersebut (Siti Fatimah Abdul Rahman, 1993). Cabaran-cabaran lain yang terpaksa dihadapi dari pelbagai aspek pengaruh yang penting juga boleh mencorakkan nilai dan moral seseorang individu.

Perhubungan kekeluargaan zaman kini yang semakin renggang telah mendorong selapisan generasi muda yang kurang menghormati serta tidak suka mengikut nasihat ibu bapa yang lebih berpengalaman. Mereka lebih beranggapan idea serta pemikiran generasi tua sebagai kolot dan tidak mengikut perubahan zaman. Selain daripada itu, perubahan norma kehidupan daripada masyarakat tani kepada masyarakat industri telah banyak mempengaruhi golongan ibu dan bapa untuk bekerja demi untuk mencapai kehidupan yang lebih senang dan selesa (Abd. Rahim Abd Rashid, 1993). Secara tidak langsung, ibu bapa yang senantiasa sibuk bekerja menghadapi kesukaran dalam meluangkan masa yang lebih panjang untuk bergaul dengan anak-anak mereka. Pengurangan masa dalam memberi pemerhatian yang lebih teliti dari pihak ibu bapa kepada anak-anaknya telah mengurangkan peluang untuk ibu bapa dalam mempengaruhi serta mencorakkan sikap dan pemikiran anak-anak mereka. Status sosio-ekonomi dan tahap pendidikan ibu bapa sesebuah keluarga juga memainkan peranan penting dalam menentukan sejauh mana masyarakat mampu berusaha memberi asuhan dan didikan akhlak yang sempurna kepada anak mereka.

Menurut Abd. Rahim Abd. Rashid (1993), walaupun agama memandu umat atau pengikutnya dengan resolusi-resolusi moral yang baik tetapi pengaruh institusi keagamaan untuk membendung masalah-masalah sosial dan moral tidak segagah perubahan dan kemajuan kebendaan, sains dan teknologi, serta perkembangan ideologi-ideologi baharu yang menguasai masyarakat dengan nilai-nilai baharu. Konflik nilai, krisis moral dan keruntuhan moral berlaku di sebabkan masyarakat kurang berpegang kepada nilai-nilai moral sebagai asas panduan dan pegangan hidup mereka.

Cabaran dari pengaruh media massa dan hiburan telah mempengaruhi pembentukan budi pekerti kanak-kanak dan para remaja hari ini (Adibah Amin, 1990; dirujuk oleh Abd. Rahim Abd. Rashid, 1993). Tingkah laku yang agresif seperti keganasan, kekejaman dan kezaliman banyak dipertunjukkan melalui kecanggihan teknologi dalam dunia perfileman dan juga televisyen. Nilai-nilai ini secara tidak langsung diserapkan ke dalam sanubari para remaja kini. Pusat-pusat 'video game' yang tumbuh seperti cendawan selepas hujan telah menjadi pusat-pusat perhimpunan para remaja bersama rakan-rakan sebaya untuk melepak di samping menghabiskan waktu lapang mereka di sana. Perubahan sosialisasi yang begitu pesat berlaku seharusnya dikawal dengan perkembangan peribadi individu yang teratur dengan penghayatan nilai-nilai murni sebagai asas pertumbuhan seseorang insan.

Dalam usaha untuk merealisasikan aspirasi negara dalam pembentukan masyarakat yang bermoral dan beretika, institusi-institusi sosial seperti keluarga, institusi pendidikan dan institusi agama memainkan peranan secara langsung dan tidak langsung dalam penerapan dan pengukuhan nilai-nilai murni di kalangan masyarakat secara umumnya. Di sini kajian ke atas institusi pendidikan dititikberatkan. Pendidikan di sekolah merupakan pusat penting dalam memainkan peranan dalam penerapan nilai-nilai murni kepada golongan remaja agar mereka dapat menjadi manusia yang sempurna dari segi akademik dan moral.

Khoo Kay Kim dalam Forum Institut Kefahaman Islam (IKIM) di televisyen yang bertajuk 'Perpaduan Kaum: Agama Memainkan Peranan Penting' menyatakan

"Sistem Pendidikan sepatutnya cuba melahirkan manusia yang sempurna bukan melahirkan manusia yang banyak mengetahui tentang kimia, biologi dan sebagainya. Bukan itu semua tidak penting tetapi ada yang lebih penting ialah kalau kita mengharapkan satu hari nanti akan muncul satu masyarakat Malaysia yang bersatu-padu, kita perlu menjamin supaya generasi muda diberi pendidikan yang bermakna dan tahu ke mana arah tujuan kita. Kita menghadapi banyak masalah. Bukan bererti kalau negara kita begitu maju dari segi ekonomi, segalagalanya juga sempurna. Manusia itu memang kompleks. Kalau tidak diberi bimbingan selalu, saya rasa akan timbul masalah"(Siti Fatimah Abdul Rahim, 1993: 6).

Memandang berat tentang aspek pembentukan insan yang sempurna dan 'sepado', sistem pendidikan di Malaysia telah banyak mengalami perubahan yang menampakkan unsur-unsur dinamisme. Sistem pendidikan di Malaysia berjaya menangani isu-isu dan masalah-masalah yang mengiringi setiap reformasi yang dilakukan. Jawatankuasa Kabinet Pendidikan amat berprijhatin kepada isu pembangunan kemanusiaan. Keprihatinan yang sama telah diungkapkan dengan lebih jelas dan tegas selepas Dr. Mahathir Mohamed, mengisyiharkan Wawasan 2020 pada 28 Februari 1991. Isu-isu tentang nilai dan akhlak, budaya ikram dan penyayang, yang merupakan tunggak kemanusiaan dan kehidupan, dibincangkan dengan hebatnya. Ciri-ciri fitrah yang positif ini perlu dipupuk dan dikembangkan melalui pendidikan.

Negara kita dengan rasminya mengisyiharkan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) pada tahun 1987. Menurut Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin (1993), pendidikan sepado merupakan saluran yang terbaik untuk mengoperasikan hasrat FPN ke arah pembentukan insan dan rakyat Malaysia yang beriman, berilmu, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, produktif dan berbakti. Pendidikan sepado dalam konteks ini merujuk kepada penerapan nilai-nilai murni dan pembentukan ahklak. Pengajaran nilai merentasi kurikulum di semua peringkat sekolah sama ada Kurikulum

Bersepada Sekolah Menengah (KBSM) mahupun Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah diberi penekanan yang penting untuk dilaksanakan dalam sistem pendidikan negara. Para pendidik seharusnya memainkan peranan yang semakin besar dalam menghasilkan pelajar-pelajar yang bukan sahaja dilengkapi dengan ilmu pengetahuan, berketrampilan, tetapi juga memiliki ahklak yang terpuji, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta bersama-sama berusaha untuk meningkatkan keharmonian masyarakat untuk kesejahteraan negara.

OBJEKTIF KAJIAN

Memandangkan peranan pendidikan memainkan aspek penting dalam menentukan keberkesanan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar, maka kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengukuhkan beberapa faktor yang berkaitan dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Misalannya

- (1) Pengaruh ibu bapa, rakan sebaya dan media massa.
- (2) Faktor-faktor pengajaran seperti pengaruh peribadi guru sendiri sebagai model dan hasil dari pengajaran nilai oleh guru di setiap waktu pengajaran.

Kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui sama ada terdapat perhubungan di antara penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar dengan ciri-ciri biografi mereka seperti agama, bangsa, jenis pekerjaan ibu bapa, pendapatan bulanan ibu bapa serta tahap pendidikan ibu bapa mereka. Justeru itu, kajian ini cuba memperolehi jawapan kepada soalan-soalan berikut:

- 1) Adakah faktor-faktor situasi seperti pengaruh ibu bapa, rakan sebaya dan media

massa mempunyai satu perhubungan positif yang signifikan terhadap penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar ?

2) Adakah faktor-faktor pengajaran seperti pengaruh peribadi guru sendiri sebagai model dan hasil pengajaran guru mempunyai satu perhubungan positif yang signifikan terhadap penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar ?

3) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar yang berlainan agama dan bangsa serta juga di kalangan pelajar-pelajar yang ibu bapa mereka mempunyai jenis pekerjaan, pendapatan bulanan dan tahap pendidikan yang berlainan?

RINGKASAN REKABENTUK KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian deskriptif yang akan menggunakan soal selidik tertutup yang telah diubahsuai oleh penyelidik, berpandukan kepada soal selidik Zalina bt. Ab. Rahman (1990), Bergem (1990) dan Ismail Jusoh (1994). Instrumen kajian yang digunakan bertujuan untuk menentukan sama ada wujud hubungan dan perbezaan di antara pembolehubah-pembolehubah yang telah ditetapkan dalam kajian. Soalan-soalan instrumen yang akan digunakan adalah diukur menggunakan Skala Likert, iaitu satu ukuran sela ataupun 'interval'.

Soal-selidik ini diedarkan kepada 17 buah sekolah menengah di kawasan Daerah Hilir Perak. Responden-responden yang dipilih adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan 4 (mewakili golongan remaja), dipilih secara rawak untuk memenuhi sampel

berjumlah seramai 341 orang pelajar.

PENTINGNYA KAJIAN

Penyelidik berharap kajian ini dapat mengenalpasti faktor-faktor yang berhubungkait dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Adalah juga diharapkan dapatan penyelidik ini dapat memberi manfaat kepada pihak pentadbir sekolah agar pengurusan guru-guru dikawal dengan lebih berkesan dari segi tingkah laku serta pengajaran yang efektif mengikut objektif pengajaran dan kehendak sukatana. Pihak ibu bapa juga harus sedar bahawa mereka adalah bertanggungjawab terhadap pembentukan ahklak anak mereka dan tidak menolak sepenuhnya tanggungjawab ini kepada pihak guru dan sekolah. Diharap juga dapatan kajian dapat memberi lebih penekanan kepada pihak Kerajaan dari segi pengawalan media massa serta aspek hiburan. Selain daripada itu, adalah diharapkan juga dapatan-dapatan ini dapat memperkuuhkan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam merancang lebih banyak program-program yang berkesan dalam penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar.

DESKRIPSI BAB-BAB SELANJUTNYA

Bab Dua seterusnya akan membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang relevan dengan kajian penyelidik. Ia meliputi perbincangan dapatan-dapatan kajian lepas dengan aspek-aspek yang berkaitan dengan pembolehubah-pembolehubah kajian penyelidik.

Bab Tiga pula yang selanjutnya akan menyentuh hipotesis-hipotesis kajian secara terperinci. Rekabentuk kajian, instrumen kajian dan ciri-ciri responden daripada

sampel yang dipilih akan diuraikan. Ujian analisis statistik juga akan dibincangkan di dalam bab ini.

Dapatan-dapatan kajian akan dibentangkan di dalam Bab Empat berdasarkan Ujian-ujian statistik yang telah ditetapkan. Dapatan-dapatan yang dihasilkan ini akan membuktikan samada hipotesis-hipotesis kajian yang dibentuk akan disokong atau ditolak.

Bab yang terakhir, iaitu Bab Lima, akan membincangkan dapatan-dapatan kajian dengan lebih terperinci dengan mengaitkannya kepada teori dan kajian-kajian yang lalu. Di samping itu juga, implikasi kajian untuk tujuan praktis dan untuk kajian-kajian yang akan datang serta limitasi kajian juga akan disentuh.

BAB 2

ULASAN KARYA

Dalam bab ini penyelidik membentang beberapa takrifan kepada konsep-konsep penting yang digunakan dalam penyelidikan ini. Seterusnya, dapatan-dapatan dari karya-karya lepas yang berhubungkait dengan pembolehubah-pembolehubah penyelidikan akan dibincangkan secara mendalam sebagai sokongan kepada penyelidikan yang akan dijalankan.

DEFINISI KONSEP

Nilai

Untuk memahami nilai dan melaksanakan tugas menerapkan, membina serta mengembangkan nilai-nilai tertentu, adalah perlu untuk memahami nilai-nilai dari perspektif yang lebih luas.

Rokeach (1973: dirujuk oleh Soh Kay-cheng, 1990) mentakrifkan nilai sebagai suatu jenis kepercayaan yang berketahanan, bagaimana seseorang sepatutnya atau tidak sepatutnya berkelakuan sebeginu rupa atau tentang sesuatu matlamat yang perlu. Daripada kajian yang dibuat, Rokeach telah menyusun nilai-nilai mengikut keutamaan yang telah disenaraikan oleh respondennya.

Carr (1991) mendefinisikan nilai sebagai suatu kepercayaan yang berkemungkinan

melibatkan aspek-aspek dalaman psikologi hidup yang merangkumi bidang kognitif. Penumpuan nilai ialah pada kebaikan - ia merupakan suatu kepercayaan terhadap sesuatu seperti kemesraan, kesepadan, kejujuran, kemewahan, keamanan dunia, perlindungan terhadap binatang-binatang liar ataupun apa jua pun, sebagai sesuatu yang sepatutnya diperjuangkan (bukan hanya sekadar wujudnya kebenaran).

Frankel (1980 : dirujuk oleh Abd. Rahim Abd. Rashid, 1993) mentakrifkan nilai sebagai konsep. Seperti semua konsep, nilai tidak wujud dalam pengalaman tetapi dalam minda manusia. Nilai menunjukkan kualiti kebaikan (berharga) atau merit yang ditentukan terhadap berbagai-bagai aspek pengalaman mereka. Seterusnya, beliau membahaskan bahawa nilai bukannya objek tetapi merupakan satu ukuran tingkah laku, umpamanya baik, cekap atau bersopan. Sebagai satu piawai, nilai membantu kita menentukan sebab atau alasan mengapa kita menyukai sesuatu atau sebaliknya. Dengan erti yang lebih kompleks, nilai membantu kita menentukan sama ada sesuatu, khususnya yang berkaitan dengan objek, orang, idea, cara bertingkah laku dan sebagainya itu baik atau tidak baik.

Oleh itu, nilai mengikut Frankel ialah satu pengabstrakan idea, atau konsep yang dimiliki, ditunjukkan, dan diterima oleh seseorang tentang apa yang dianggap penting untuk kehidupan. Dengan cara ini seseorang itu boleh mengenali orang lain, membandingkan, membezakan, menganalisis, membincangkan, dan membuat pengamatan tentangnya. Nilai juga mempunyai dimensi emosi. Nilai menunjukkan komitmen emosi yang berpengaruh, iaitu bagaimana seseorang itu menunjukkan perasaan suka atau benci terhadap sesuatu.

Berikut daripada definisi-definisi konsep nilai, nilai-nilai juga dapatkan dikelaskan kepada beberapa jenis. Menurut Abd. Rahim Abd. Rashid (1993), jenis-jenis nilai yang boleh dikelaskan merangkumi nilai moral atau nilai etika, nilai instrumental, nilai universal, nilai estetik, nilai tingkah laku, nilai tradisi, nilai intrinsik dan ekstrinsik, nilai sosial, nilai agama dan nilai budaya.

Nilai Moral

Nilai moral menurut Abdul Rahman bin Md. Aroff (1986) merupakan sesuatu yang berkait dengan beberapa peraturan (tatahukum, tatasusila atau tatatertib, tradisi, kepercayaan, undang-undang, norma, adat dan kebiasaan) komuniti. Nilai moral juga melibatkan akhlak iaitu sifat keperibadian atau perangai yang mulia dan ciri watak yang baik. Contoh-contoh ciri watak yang baik adalah sifat berani, jujur, rajin, cekap, bersih, amanah dan sebagainya. Individu yang dikatakan mempunyai nilai moral ialah individu yang mengambil keputusan berdasarkan prinsip-prinsip moral iaitu autonomi, keadilan dan altruisme dalam penaakulan, emosi dan tingkah lakunya, di samping mempunyai rasa kesal apabila terpaksa melakukan sesuatu kerana konflik, misalnya, di antara nilai dan tanggungjawab.

Nilai Instrumental

Nilai instrumental ialah nilai yang diterima sebagai nilai yang penting untuk dikembangkan dan diterapkan kepada anggota masyarakat. Rokeach (1973: dirujuk oleh Soh Kay-cheng, 1990) telah menyenaraikan 18 nilai instrumental seperti berikut: ingin berjaya (bercita-cita), berfikiran terbuka, berkebolehan, periang (sukacita), imaginatif, bersih, berani atau tabah, sanggup memaafkan, bekerjasama (membantu),

jujur, berdikari, intelektual, logik, penyayang, taat atau setia, sopan-santun atau hormat, tanggungjawab, dan mengawal diri atau disiplin. Rokeach merujuk nilai instrumental sebagai cara-cara perlakuan yang sekiranya bercanggah akan menimbulkan perasaan serba salah, nilai-nilai instrumental ini juga merupakan sebahagian daripada nilai dalam kesempurnaan diri dan sekiranya berlakunya percanggahan akan menimbulkan perasaan malu.

Nilai Universal

Nilai universal atau nilai sejagat ialah nilai yang diterima umum dalam semua masyarakat. Contoh nilai sejagat ini ialah benar, cantik (indah), dan baik. Menurut Abd. Rahim Abd. Rashid (1993), nilai universal merupakan nilai baik yang dipertahankan dan mendorong komitmen yang kuat oleh anggota masyarakat bagi membolehkan mereka mencorakkan kehidupan yang terkeluar daripada keadaan primitif dan mencapat suatu tamadun bagi mengukuhkan kestabilan sosial dan kehidupan mereka. Masyarakat juga menerima dan mempertahankan nilai-nilai dominan sebagai asas mencorakkan tingkah laku dan bagi tujuan menghukum tingkah laku (perbuatan-perbuatan) yang tidak diingini.

Nilai Estetik

Nilai estetik ialah nilai yang berkaitan dengan keseronokan, kenikmatan atau kepuasan dalam kehidupan manusia, terutama nilai kesenian dan kebudayaan. Nilai estetik dapat memberikan kenikmatan emosi atau penghayatan perasaan, apresiasi seni, keindahan dan ekspresi, iaitu cara melahirkan perasaan, pendapat, pandangan dan sikap yang berkaitan dengan nilai-nilai kehidupan (Abd. Rahim Abd. Rashid, 1993).

Nilai Tingkah laku

Nilai tingkah laku pada umumnya mempunyai pengaruh dalam menentukan tingkah laku anggota masyarakat (Abd. Rahim Abd. Rashid, 1993). Nilai-nilai seperti kejujuran, kerajinan, bersopan-santun, hormat-menghormati merupakan di antara nilai-nilai yang sentiasa ingin diterap dan diajar oleh seorang guru kepada pelajar-pelajarnya.

Nilai Tradisi

Nilai-nilai tradisi merupakan nilai yang telah dikembangkan di kalangan anggota masyarakat yang dapat mengukuhkan ikatan sosial dan menonjolkan keidentitian masyarakat tersebut. Menurut Abd. Rahim Abd. Rashid (1993), nilai-nilai tradisi ini meliputi idea, amalan dan pengetahuan yang telah terbentuk dari satu generasi ke satu generasi.

Nilai Intrinsik dan Ekstrinsik

Nilai intrinsik merupakan nilai dalaman yang dapat membentuk kekuatan jiwa, perasaan serta kesedaran dan merupakan proses pembatinan nilai. Nilai ekstrinsik ialah nilai tingkah laku yang dikembangkan melalui latihan, indoktrinasi, didaktik, inkuiiri, ekspositori, eksposisi dan sebagainya. Nilai yang dipersetujui dan dimiliki bersama oleh sekelompok masyarakat di katakan sebagai nilai sosial (Abd. Rahim Abd. Rashid, 1993).

Nilai Agama

Nilai-nilai agama adalah nilai-nilai murni yang diajar serta diterapkan melalui sesuatu agama demi untuk membaiki taraf hidup manusia dan mencapai hasil yang maksima

dari segala sumber kemakmuran yang diberi oleh Tuhan (Abd. Rahim Abd. Rashid, 1993).

Nilai Budaya

Mengikut Abd. Rahim Abd. Rashid (1993), nilai budaya pula ialah pandangan masyarakat terhadap sesuatu yang berfaedah, iaitu sebagai keutamaan dan tanda penolakan. Nilai ini wujud daripada atau melalui pengiktirafan sosial dan susunan pilihan. Nilai ini berkaitan dengan setiap individu, objek, perhubungan dan pengalaman.

Kesemua jenis nilai yang diperkatakan di atas dapat menjelaskan dan mempunyai kaitan dengan aspek-aspek kepercayaan, sikap dan norma. Nilai boleh mencorakkan pola tingkah laku serta menentukan corak dan fenomena sosial seseorang atau kelompok sosial. Maka di sini, peranan sistem pendidikan tidak dapat terlepas daripada menjadi sebahagian daripada pengaruh-pengaruh penting nilai dalam mempengaruhi serta mencorakkan rupabentuk masyarakat akan datang. Oleh yang demikian, sistem pendidikan terpaksa mengekalkan fungsi konservatif dan juga menggalakkan fungsi dinamisme dalam menghadapi segala perubahan dan perkembangan dan membendung pengaruh-pengaruh yang tidak diingini.

Pada tahun 1987, Malaysia secara rasminya telah mengisytiharkan Pernyataan Falsafah Pendidikan Negara dalam konteks Pendidikan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1986).

Dalam penggubalan KBSM, pengajaran nilai dibuat secara langsung melalui dua mata pelajaran, iaitu Pendidikan Agama Islam dan Pendidikan Moral. Pemupukan nilai-nilai murni secara tidak langsung diserap dalam proses pengajaran dan pembelajaran semua mata pelajaran dan juga gerakerja ko-kurikulum (Pusat Perkembangan Kurikulum [PPK], 1986). Nilai-nilai haruslah disampaikan dalam keadaan yang tidak formal. Ia perlu disepadukan selaras dengan situasi secara semulajadi dan 'incidental'.

Penerapan nilai-nilai murni

Berdasarkan kepada definisi-definisi nilai yang telah dinyatakan, penerapan nilai murni yang akan digunakan dalam kajian penyelidik membawa maksud pengamalan 16 nilai sejagat yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Pendidikan Akhlak Kementerian Pendidikan untuk diserapkan dalam KBSM. Nilai-nilai tersebut adalah baik hati, berdikari, berhemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional dan semangat bermasyarakat (Mohamed Yamin bin Mohamed Yusof, 1986). Kesemua nilai-nilai murni ini dapat diperlakukan dan diamalkan dalam perlakuan pelajar-pelajar sehari-hari dalam semua bidang.

ULASAN KARYA

Di sini, karya-karya lepas yang berkaitan dengan penyelidikan ini dibincangkan. Dapatan-dapatan karya-karya lepas akan dihujahkan secara mendalam untuk membentukkan satu pemahaman konsep yang lebih kukuh untuk membentuk hipotesis-hipotesis kajian yang akan dinyatakan.

Zalina Ab. Rahman (1990) dalam penulisan ilmiahnya telah membuat satu kajian terhadap 'Perlaksanaan Penerapan Nilai Murni dalam KBSM - satu tinjauan' di sekolah-sekolah. Seramai 62 guru dan 220 murid dari tujuh buah sekolah menengah di Kuala Pilah dan sebuah sekolah menengah di Seremban telah dipilih sebagai responden. Peninjauan beliau terhadap keberkesanan perlaksanaan penerapan nilai-nilai murni dalam KBSM telah diukur berdasarkan pada pendapat-pendapat yang diberikan oleh guru-guru serta pelajar-pelajar mengikut soalan-soalan soal selidik yang dikemukakan. Analisis korelasi 'Rank Order' dan Ujian *t* telah digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis yang dikemukakan.

Dapatan kajian beliau telah memperkuatkan hipotesisnya yang membuktikan terdapatnya hubungan positif yang signifikan di antara perlaksanaan dengan penghayatan terhadap peranan sebagai pendidik. Beliau telah mendapati perlaksanaan pendidikan nilai murni merentasi kurikulum telah dapat difahami dan dihayati oleh guru-guru dan berjaya diimplementasikan dengan sempurna dalam pengajaran mereka. Seterusnya, hipotesis kedua beliau ditolak apabila dapatan menunjukkan tiada hubungan yang signifikan di antara perlaksanaan penerapan nilai murni dalam KBSM dengan jantina guru-guru. Faktor jantina tidak menunjukkan sebarang pengaruh dalam

penghayatan dan pengamalan di antara guru-guru dalam perlaksanaan penerapan nilai-nilai murni dalam KBSM.

Ismail Jusoh (1994) bersama Zurida Ismail telah membuat satu kajian untuk menentukan kefahaman dan perlaksanaan penerapan nilai di kalangan guru-guru pelatih. Sebanyak 17 soalan telah dikemukakan kepada 106 mahasiswa yang mengkhusus dalam bidang pendidikan di Universiti Sains Malaysia untuk mendapatkan maklumat tentang kefahaman mereka mengenai nilai-nilai murni, serta lapan soalan ditanya kepada bakal guru untuk mengetahui amalan penerapan nilai dalam pengajaran yang mereka lakukan semasa menjalani latihan mengajar.

Maklum balik yang diterima menunjukkan adanya perbezaan pendapat atau persepsi tentang kefahaman nilai-nilai murni serta amalan penerapan nilai murni di kalangan pelatih. Responden-responden juga menunjukkan perbezaan dalam cara perlaksanaan penerapan nilai murni dalam pengajaran mereka. Dapatan kajian juga menunjukkan tiada keseragaman antara pendapat berkenaan kefahaman nilai-nilai murni di kalangan responden lelaki dan perempuan. Terdapat perbezaan dalam cara pengajaran di antara bakal guru lelaki dan perempuan. Perbezaan mengenai kefahaman nilai-nilai murni di kalangan kumpulan etnik dan kepercayaan agama yang berlainan juga wujud. Perbezaan ini juga ditunjukkan dalam perlaksanaan penerapan nilai murni dalam pengajaran mereka.

Selain daripada pengajaran nilai-nilai murni di sekolah, pelajar-pelajar juga mendapat didikan nilai-nilai murni di rumah oleh ibu bapa. Menurut PPK (1986), pendidikan

awal kanak-kanak bermula di rumah, maka ibu bapa adalah pihak yang memainkan peranan yang lebih besar dalam pemupukan nilai-nilai murni. Apa yang berlaku secara tidak formal di rumah akan dapat diperkuuhkan lagi di sekolah, tetapi jika apa yang berlaku di rumah sangat bercanggah dengan apa yang hendak kita pupuk di sekolah, sudah tentu pemupukan nilai-nilai murni akan lebih banyak menghadapi cabaran dan masalah.

Takashi Koizumi (1989) telah membuat satu kajian mengenai kesan perlakuan ibu bapa terhadap pembentukan sikap kanak-kanak di Jepun. Seramai 319 kanak-kanak yang terdiri daripada kanak-kanak dari dua buah sekolah rendah dan dua buah sekolah menengah di kawasan metropolitan di Jepun telah diambil sebagai responden. Kanak-kanak yang berada di kawasan metropolitan dan kanak-kanak yang tinggal di kawasan luar bandar tidak mempunyai banyak perbezaan ketara kerana kebanyakan kawasan di Jepun telah diperbandarkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ahli keluarga yang paling banyak membantu dan menyokong responden ialah ibu, iaitu sebanyak 34 peratus, bapa sebanyak 27 peratus, 17 peratus pada datuk, 12 peratus pada nenek dan lain-lain lagi sebanyak 10 peratus. Secara purata, sebanyak 26 atau 27 peratus responden sekolah rendah menyatakan mereka tidak meluahkan masalah yang mereka hadapi kepada ibu bapa mereka. Kebanyakan kanak-kanak ini berada dalam keadaan 'terasing' di rumah. Kecenderungan ini menjadi semakin ketara untuk responden-responden dari sekolah menengah. Ini menunjukkan wujudnya keadaan di mana pihak ibu bapa yang semakin tidak mengambil berat tentang hal peribadi dan perkembangan anak-anak mereka.

Seterusnya, beliau mendapati terdapat satu hubungan positif yang signifikan di antara tanggapan ibu bapa yang boleh dihormati oleh kanak-kanak sendiri dengan pembentukan kesedaran nilai-nilai (value-consciousness) yang positif di kalangan mereka. Kanak-kanak yang mempunyai kesedaran nilai ini lebih memperolehi kasih sayang dari ibu bapa dan ahli keluarga, lebih berkeazaman dan ketahanan, berupaya untuk membuat sesuatu (rajin belajar, kerja dengan baik dan lain-lain lagi), menghargai persahabatan dan pergaulan sosial. Memandangkan kesedaran nilai-nilai positif ini adalah begitu penting dalam pembentukan watak seseorang kanak-kanak, maka kesan dari perlakuan ibu bapa yang boleh dihormati oleh kanak-kanak itu sendiri adalah salah satu daripada cara yang boleh membantu dalam membimbing pembentukan watak moral seseorang kanak-kanak di rumah.

Pendapat Takashi Koizumi itu disokong oleh Delattre dan Russell (1993) yang mengatakan bahawa ibu bapa ialah orang pertama dan paling berpengaruh kepada seorang kanak-kanak. Mereka mengatakan adalah penting untuk memastikan sama ada ibu bapa atau orang-orang dewasa lain yang mempengaruhi kehidupan seorang kanak-kanak itu terdiri daripada mereka yang matang dan bermoral. Kanak-kanak senang terikut dengan tingkah laku orang dewasa. Suid bin Hanapi (1989) menyatakan salah satu daripada peranan penting ibu bapa ialah sebagai pembentuk akhlak terhadap anak-anak. Ibu bapalah yang bertanggungjawab dalam menerapkan nilai-nilai murni, adat istiadat, pegangan, kepercayaan dan mengajar mematuhi ajaran agama kepada anak-anak. Mereka lebih berperanan sebagai pembimbing terhadap anak-anak jika dibanding dengan guru-guru. Ibu bapa sepatutnya menjadi contoh yang unggul kepada anak-anak.

Satu kajian telah dijalankan oleh Myers, Milne, Baker dan Ginsburg (1987) untuk melihat hubungan perlakuan tidak baik pelajar dengan pencapaian akademik mereka serta kesan struktur dan latarbelakang keluarga terhadap kedua-dua pembolehubah tersebut. Beliau dan rakan-rakannya telah melakukan kajian terhadap pelajar-pelajar tahun dua sekolah tinggi yang seterusnya menyambung pelajaran mereka untuk dua tahun yang selanjutnya. Keputusan kajian menunjukkan pelajar-pelajar yang tinggal bersama salah seorang daripada ibu atau bapa sahaja (ibu tunggal/bapa tunggal) menghadapi masalah disiplin yang lebih besar serta pencapaian akademik yang rendah jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar yang tinggal bersama kedua-dua ibu bapa. Keadaan yang sama juga wujud untuk pelajar-pelajar yang tinggal bersama ibu yang bekerja. Pelajar yang tinggal dengan salah seorang ibu atau bapa serta ibu yang bekerja juga berkecenderungan mengalami penambahan dalam perlakuan buruk dan menunjukkan penurunan dalam pencapaian akademik mereka. Tahap pendidikan ibu dan pendapatan keluarga juga mempunyai hubungan yang positif terhadap pencapaian akademik pelajar-pelajar. Dapatan dari kajian ini dapat merumuskan keadaan situasi keluarga memainkan peranan yang penting dalam menentukan tingkah laku seseorang kanak-kanak. Bimbingan dan dorongan dari pihak ibu bapa adalah amat berpengaruh dalam menentukan watak dan tingkah laku serta pencapaian akademik yang baik seseorang kanak-kanak.

Dornbusch, Ritter, Leiderman, Roberts dan Fraleigh (1987) memperkuatkan lagi dapatan Myers et al (1987) dengan menyatakan keluarga-keluarga yang mempunyai hanya seorang ibu atau bapa sahaja merupakan sumber utama pembentukan kanak-kanak yang berisiko tinggi. Vacha dan McLaughlin (1992) telah membuat satu kajian

mengenai perkaitan antara pembentukan ciri-ciri personel pelajar-pelajar risiko tinggi terhadap struktur sosial, keluarga dan sekolah. Mereka mendapati ciri-ciri struktur sosial yang biasa dikorelasikan dengan risiko tinggi ialah kelas sosio ekonomi, kaum dan struktur sesebuah keluarga. Kemahiran dan pengamalan kekeluargaan (parenting) sememangnya menunjukkan pengaruh untuk menentukan samada seseorang kanak-kanak itu berkemungkinan berada dalam risiko tinggi atau tidak. Pendapatan keluarga serta pencapaian pendidikan ibu bapa juga mempunyai pengaruh terhadap kemampuan sumber keluarga dalam membantu anak-anak mereka dalam bidang pelajaran.

Abd. Rahim Abd. Rashid (1993) berpendapat institusi keluarga perlu meningkatkan peranan utamanya bagi mendidik dan menjamin kesejahteraan hidup anggota-anggotanya. Ikatan kekeluargaan perlu diperkuatkan lagi bagi membendung berbagai-bagai gejala keruntuhan moral generasi muda. Sosialisasi keluarga yang positif dan mampu mencorakkan tingkah laku serta nilai-nilai yang baik boleh mengurangkan pelbagai masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat sekarang. Keluarga merupakan unit sosial yang pertama dan terpenting dalam masyarakat kerana peranannya sebagai agen pemasyarakatan dan dalam pembentukan sahsiah serta ahklak seseorang insan.

Selain daripada pengaruh ibu bapa, pelajar-pelajar juga senang dipengaruhi oleh rakan-rakan sebaya mereka. Pelajar-pelajar adalah sentiasa terdedah kepada rakan-rakan sebaya yang kebanyakannya adalah sama dari segi umur, jantina dan keupayaan. Pengikut model rakan sebaya (peer models) boleh memberi kesan yang besar terhadap kehidupan seseorang kanak-kanak (Hartup & Lougee, 1975: dirujuk oleh Schunk, 1987).

Schunk banyak membuat kajian mengenai model rakan sebaya dan perubahan perlakuan kanak-kanak. Hasil kajian telah dirumuskannya dalam 'Peer Models and Children's Behavioral Change' (1987). Menurutnya, beliau mengatakan kebanyakan kanak-kanak adalah berkecenderungan untuk mengikut perlakuan rakan-rakan sebaya atau orang dewasa. Penambahan dalam keyakinan diri serta keupayaan pencapaian seseorang kanak-kanak dapat ditingkatkan sekiranya ia memerhatikan kebolehupayaan rakan sebayanya melakukannya sesuatu tugas berbanding dengan pemerhatian pada seorang dewasa. Pengaruh perlakuan sosial adalah lebih kuat dari model rakan sebaya kepada seorang kanak-kanak berbanding dengan pengaruh dari orang dewasa sekiranya kanak-kanak itu menganggap perlakuan yang ditunjukkan oleh rakan sebayanya adalah lebih bersesuaian dengan perlakuan diri mereka. Model rakan sebaya yang sama jantina lebih mendorong kanak-kanak untuk mengikut perlakuan mereka.

Schunk, Hanson dan Cox (1987) telah membuat satu kajian untuk melihat penyumbangan model rakan sebaya dan perlakuan pencapaian kanak-kanak dalam pembelajaran Matematik di sekolah. Seramai 80 pelajar dari gred empat hingga enam diambil sebagai sampel. Kanak-kanak yang membuat pemerhatian ke atas 'coping model' (model yang menunjukkan beberapa kesilapan dan seterusnya berusaha dalam mencapai penyelesaian) rakan sebaya yang sama atau berlainan jantina menunjukkan peningkatan dalam kemahiran, keupayaan diri dan latihan dalam mempelajari kemahiran pecahan dalam Matematik. Dapatan juga menunjukkan kanak-kanak memperolehi pencapaian yang lebih tinggi dan bersignifikan dari pemerhatian berbilang 'coping model'.

Penyataan-pernyataan di atas menyokong serta menegaskan bahawa pengaruh sesuatu perlakuan boleh dipelajari dan dicontohi dengan mudah sesama rakan sebaya. Pendedahan pelajar-pelajar kepada kumpulan rakan sebaya yang baik adalah penting untuk penerapan nilai-nilai murni serta pembinaan moral dan perlakuan yang positif.

Selain daripada pengaruh rakan-rakan sebaya, pelajar-pelajar juga mudah dipengaruhi oleh media massa. Pengaruh kuat daripada media massa, terutamanya televisyen banyak mempengaruhi dan membentuk budi pekerti kanak-kanak dan para remaja. Dalam buku 'Media dan Masyarakat' yang ditulis oleh Mohamad Md. Yusoff (1993), beliau telah menyatakan beberapa penemuan kajian yang telah dibuat oleh penyelidik-penyeledik lain mengenai pengaruh media massa. Persatuan Konsumer Pulau Pinang (CAP) (1984), yang merupakan salah sebuah kumpulan pendesak terkemuka di Malaysia, telah menjalankan kajiannya sendiri mengenai kesan keganasan siaran televisyen ke atas kanak-kanak di negara ini. Selain daripada menganalisis 13 buah rancangan (kesemuanya rancangan dari Barat), CAP juga telah meninjau pandangan ibu bapa dan kanak-kanak (5-12 tahun). Antara hasil kajian yang dilaporkan oleh CAP ialah:

- (i) Kanak-kanak mempelajari dari televisyen. Ini dibuktikan oleh peristiwa beberapa kanak-kanak yang telah menemui ajal atau mengalami kecederaan setelah meniru gelagat 'Superman' dan 'Greatest American Hero' yang disangkakan boleh terbang dari bangunan tinggi.
- (ii) Penonton televisyen Malaysia terdedah kepada purata empat pembunuhan, 24 senjata api, 14 bedilan senjata dan 38 tumbukan sehari.
- (iii) Kira-kira 20 peratus kanak-kanak akan bertindak ganas sekiranya berhadapan dengan penjahat.

- (iv) Hadiah hari lahir yang paling digemari adalah senapang dan senjata ganas.

Penyelidik Greenberg (1976: dirujuk oleh Mohamad Md. Yusoff, 1993) juga mendapati terdapat perhubungan di antara penontonan program jenayah di televisyen dan keganasan tingkah laku kanak-kanak. Beliau mendapati bahawa penonton program-program jenayah di televisyen dan pembentukan sikap yang agresif mempunyai hubungan yang positif dan berkesan, walaupun darjah perhubungannya tidak begitu besar. Dapatan beliau juga disokong oleh Bandura (dirujuk oleh Mohamed Md Yusoff, 1993) yang juga mendapati kanak-kanak yang memerhatikan model agresif akan menjadi bertambah agresif.

Seterusnya, dalam buku Media dan Masyarakat (Mohamad Md. Yusoff, 1993), Mohamad Md Yusoff telah melaporkan satu lagi kajian oleh penuntut Universiti Sains Malaysia yang menunjukkan setiap tahun kanak-kanak di Malaysia menontoh 3000 siri pembunuhan dan 20000 siri tembak-menembak melalui televisyen dan pawagam. Ini merangsangkan kanak-kanak untuk melakukan keganasan ataupun sekurang-kurangnya mengubah orientasi mereka.

Dengan terlaksananya KBSM, Ariffin bin Ba'ada (1986) berpendapat tugas guru menjadi semakin berat. Guru tidak lagi hanya berperanan sebagai pengajar sahaja, malah lebih daripada itu, tugas guru mencakup bidang mendidik, mengasuh, merancang dan akhirnya sampai ke tahap membentuk rupa bentuk generasi yang diingini. Untuk memastikan proses pembelajaran dan pengajaran yang berteraskan nilai murni berjalan dalam suasana yang harmoni dan tidak diada-adakan, maka guru seharusnya terlebih

dahulu mempunyai dan mengamalkan nilai murni ini. Ini jelas kerana guru adalah model dan rujukan muktamad kepada pelajar dan masyarakat dalam banyak perkara (Ariffin bin Ba'ada, 1986). Maka tidaklah hairan jika ada pepatah yang mengatakan, "bila guru kencing berdiri, maka murid akan kencing berlari." Guru perlulah terlebih dahulu memahami dan menghayati nilai-nilai murni sebelum ia dapat dihayati dan diamalkan oleh pelajar pula.

Dalam kajian yang dibuat oleh Bergem (1990) mengenai guru sebagai agen moral, beliau telahpun menemuduga 65 responden terdiri daripada bakal guru di enam buah kolej pendidikan di Norway. Beliau telah mendapati tiga kumpulan jawapan yang berbeza tentang konsep peranan guru sebagai model. Sebanyak dua per tiga daripada responden mengatakan konsep peranan guru sebagai model adalah merujuk kepada perlakuan serta tingkah laku yang baik yang ditunjukkan oleh guru tersebut. Manakala sekumpulan responden mengaitkan konsep guru sebagai peranan model dengan kepakaran dan ketinggian ilmu pengetahuan serta pembelajaran yang dimiliki oleh guru tersebut. Kumpulan ketiga pula menganggap idea model ialah guru yang memiliki sistem nilai yang imperatif yang selaras dengan masyarakat. Pelajar-pelajar akan secara semulajadi menghormati dan mengikut nilai dan kualiti peribadi yang dimiliki oleh guru mereka. Hampir separuh daripada responden bersetuju dengan idea bahawa guru seharusnya berperanan dan bertindak sebagai model kepada pelajar-pelajarnya. 28 peratus menunjukkan tidak kepastian dan 23 peratus lagi membangkang pernyataan tersebut. Hujah yang diberikan oleh salah seorang pembangkang adalah guru juga merupakan seorang insan yang biasa dan seharusnya diterima sebagai seorang manusia dan bukan sebagai seorang yang tanpa kecacatan.

Dalam kajian yang sama, untuk persoalan 'Adakah pelajar-pelajar menganggap guru-guru mereka sebagai peranan model?' sebanyak 85 peratus responden memilih jawapan segelintir atau sebahagian sahaja. Ramai responden mengatakan persepsi pelajar-pelajar yang menganggap guru mereka sebagai peranan model berubah mengikut peringkat umur pelajar tersebut. Pelajar-pelajar sekolah rendah lebih menganggap guru mereka sebagai peranan model terhadap perlakuan mereka sendiri walhal pelajar-pelajar sekolah menengah lebih menganggap guru mereka sebagai sumber pengetahuan dan pengajaran.

Majoriti responden mengatakan guru-guru yang berpengaruh kepada pelajar-pelajarnya adalah guru-guru yang menunjukkan keupayaan dalam pengajarannya serta selalu bersedia dengan rancangan pengajarannya. Guru-guru yang menunjukkan ciri-ciri peribadi yang empati, sensitif, penyayang, adil dan boleh memahami keadaan pelajar-pelajar itu sendiri adalah antara ciri-ciri guru yang amat berpengaruh kepada pelajar-pelajarnya.

Selain daripada 'role model' yang dimainkan oleh guru kepada pelajar-pelajarnya, guru juga berperanan dalam tugas penyampaian dan pengajaran ilmu kepada anak muridnya. Dalam KBSM, tugas guru bukan sekadar menyampaikan ilmu tetapi perlu menerapkan nilai-nilai murni dalam setiap pengajarannya. Pengajaran dan pembelajaran nilai bukanlah satu perkara yang mudah dilakukan.

Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (1986), cabaran yang utama mungkin datangnya daripada interpretasi nilai oleh seseorang individu. Misalnya, sesuatu amalan

nilai yang baik bagi kaca mata sesuatu kaum mungkin tidak disenangi oleh kaum yang lain. Memupuk nilai dalam diri individu memerlukan masa dan kesabaran. Perubahan sikap dan tingkah laku yang diingini jarang berlaku dalam sekelip mata. Dalam penyampaian pelajaran, guru seharusnya memperluaskan skop isi dan contoh supaya tidak sahaja meliputi hal-hal yang berkaitan dengan diri murid, tetapi situasi-situasi harian yang meliputi hubungan murid dengan masyarakat serta negaranya melalui pengalaman sendiri atau melalui media massa.

Ariffin bin Ba'ada (1986) menekankan bahawa dalam setiap kali proses interaksi pengajaran guru bersama pelajar, ia haruslah mencari cara-cara yang baru dan sesuai untuk menjadikan pengajarannya sesuatu yang menarik dan seimbang. Hasil pengajaran guru memainkan peranan penting dalam penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar sama ada pengajaran tersebut berlaku di dalam ataupun di luar bilik darjah.

Gecan (1993) juga menegaskan guru-guru, kaunselor-kaunselor dan pengurus-pengurus sekolah mempunyai tanggungjawab bersama dalam penerapan pendidikan nilai di kalangan pelajar-pelajar. Melalui hasil pengajaran guru yang berkesan, misalnya menggunakan buku-buku teks jenis klasik dan cerita-cerita yang mempunyai watak baik, penerapan nilai dapat diajar dan seterusnya membantu dalam pembentukan watak pelajar-pelajar yang baik.

KESIMPULAN

Perlaksanaan pendidikan nilai murni merentasi kurikulum dalam KBSM boleh

dikatakan telah dapat diimplementasikan dengan jayanya. Terdapatnya penghayatan dan pemahaman dari pihak-pihak pendidik (termasuk guru-guru terlatih dan guru-guru pelatih) telah menunjukkan bahawa pendidik jelas dalam peranan mereka dalam perlaksanaan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Walau bagaimanapun, pemahaman konsep 'insan yang seimbang' dari segi intelek, jasmani, emosi dan juga termasuk rohani, masih belum dapat disempurnakan dengan baiknya di kalangan guru-guru. Terdapat perbezaan yang ketara mengenai pemahaman dan perlaksanaan penerapan nilai-nilai murni di antara jantina, kaum dan agama yang berbeza di kalangan guru-guru.


Selain daripada pihak guru, pihak ibu bapa juga berperanan dalam penerapan nilai-nilai di kalangan pelajar-pelajar di rumah. Ciri-ciri struktur sosial seperti status sosio-ekonomi dan struktur keluarga menunjukkan pengaruh terhadap pembentukan perlakuan serta pencapaian pelajar-pelajar. Pelajar-pelajar yang tinggal bersama salah seorang daripada ibu atau bapa menunjukkan perlakuan tidak baik yang lebih tinggi jika dibanding dengan pelajar yang tinggal dengan kedua ibu bapa. Ibu yang bekerja ataupun tidak bekerja juga memberi kesan terhadap perlakuan pelajar-pelajar. Tahap pendidikan ibu bapa serta pendapatan keluarga menunjukkan perhubungan yang positif terhadap pencapaian pelajar di sekolah. Walau bagaimanapun, perhubungan antara tahap pendidikan ibu bapa dan pendapatan keluarga dalam mempengaruhi perlakuan pelajar tidak ditunjukkan.

Pengaruh dari rakan-rakan sebaya sememangnya mempunyai perhubungan positif dalam mempengaruhi perlakuan seseorang pelajar. Telah dibuktikan bahawa pelajar-pelajar

lebih bercenderung mengikut perlakuan rakan sebaya sekiranya perlakuan yang ditunjukkan oleh rakan sebaya adalah sesuai dengan perlakuan diri mereka. Keyakinan diri serta keupayaan pencapaian pelajar-pelajar dapat ditingkatkan atas pengaruh rakan-rakan sebaya. Walau bagaimanapun, terdapat dapatan yang berbeza dari segi pengaruh jantina rakan sebaya. Dapatan juga menunjukkan pengaruh media massa terutamanya televisyen menunjukkan perhubungan yang positif di antara penontonan program jenayah dengan sikap dan watak agresif kanak-kanak.

Sokongan terhadap guru sebagai peranan model juga didapati daripada dapatan-dapatan kajian. Majoriti pelajar menganggap guru mereka sebagai model untuk dicontohi dari segi perlakuan yang baik. Walau bagaimanapun, persepsi pelajar mengenai anggapan guru sebagai model berubah mengikut peringkat umur pelajar yang berlainan. Semakin tinggi umur pelajar, semakin kurang yang beranggapan guru mereka sebagai model. Pengajaran pendidikan nilai murni oleh guru seharusnya dikaitkan dengan situasi-situasi harian atau masyarakat untuk menjadikan pengajaran lebih menarik dan lebih berkesan dalam proses penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar.

Model menunjukkan perhubungan pembolehubah-pembolehubah bersandar dan bebas kajian penyelidik mengenai penerapan nilai-nilai murni di tunjukkan di muka surat sebelah.



Pembolehubah-pembolehubah bebas

Pembolehubah bersandar

Model menunjukkan faktor-faktor yang berkaitan dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Bab ini membincangkan hipotesis penyelidikan, di mana pernyataan hipotesis-hipotesis untuk penyelidikan ini akan dinyatakan berdasarkan kepada sokongan dapatan-dapatan karya lepas yang berkaitan. Selanjutnya rekabentuk penyelidikan merangkumi aspek-aspek sampel penyelidikan, kaedah pengumpulan data dan diikuti oleh rekabentuk soal selidik akan dibincangkan secara terperinci. Pengukuran semua pembolehubah-pembolehubah yang akan digunakan dalam penyelidikan akan didefinisikan secara operasional dan akhirnya penyelidik akan mendeskripsikan secara umum prosedur-prosedur statistik yang akan digunakan untuk menganalisis hipotesis dengan menggunakan statistik inferens.

HIPOTESIS PENYELIDIKAN

Dapatan Zalina Ab. Rahman (1990) menunjukkan perlaksanaan pendidikan nilai murni telah dapat dilaksanakan dengan adanya penghayatan dan pemahaman peranan sebagai pendidik. Ismail Jusoh dan Zurida Ismail (1994) juga telah menunjukkan terdapatnya perbezaan yang ketara dalam pemahaman dan perlaksanaan penerapan nilai-nilai murni di antara jantina, bangsa dan agama yang berlainan di kalangan guru-guru. Dornbursh et al (1987), Myers dan rakan-rakan (1987), Takashi Koizumi (1989), Vacha dan McLaughlin (1992) pula menyokong bahawa terdapat perhubungan yang positif di antara pengaruh struktur keluarga dan status sosio-ekonomi dengan pembentukan

perlakuan pelajar-pelajar.

Seterusnya Schunk (1987) dan juga Schunk dan rakan-rakan (1987) menunjukkan terdapatnya perhubungan positif dalam pengaruh rakan-rakan sebaya dengan perlakuan serta pencapaian pelajar-pelajar. Mohamad Md. Yusoff (1993) dalam 'Media dan Masyarakat' telah membincangkan beberapa penemuan yang menunjukkan pengaruh media massa terutamanya televisyen menunjukkan perhubungan yang positif di antara penontonan program jenayah dengan sikap dan watak agresif kanak-kanak. Dapatan Bergem (1990) pula menyokong guru seharusnya bertindak sebagai peranan model pada pelajar-pelajar. PPK (1986) telah mengatakan penyampaian guru harus memperluaskan skop isi dan contoh dengan situasi-situasi harian untuk menjadikan pengajaran lebih menarik dan berkesan dalam menerapkan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar.

Sehubungan dengan sokongan dan dapatan karya-karya lepas di atas, pernyataan hipotesis-hipotesis penyelidikan adalah seperti berikut:

- H1: Faktor situasi seperti pengaruh ibu bapa mempunyai satu perhubungan positif yang signifikan terhadap penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar.
- H2: Faktor situasi seperti rakan sebaya mempunyai satu perhubungan positif yang signifikan terhadap penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar.
- H3: Faktor situasi seperti media massa mempunyai satu perhubungan negatif yang signifikan terhadap penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar.
- H4: Faktor pengajaran seperti pengaruh guru sebagai peranan model (role model) mempunyai satu perhubungan positif yang signifikan terhadap penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar.
- H5: Faktor pengajaran seperti hasil pengajaran guru mempunyai satu perhubungan positif yang signifikan terhadap penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar.

- H6: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar lelaki dan perempuan.
- H7: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar yang berlainan bangsa.
- H8: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar yang berlainan agama.
- H9: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar yang berlainan jenis pekerjaan ibu dan bapa mereka.
- H10: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar yang berlainan pendapatan bulanan ibu dan bapa mereka.
- H11: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar yang berlainan tahap pendidikan ibu dan bapa mereka.

REKABENTUK PENYELIDIKAN

Bahagian ini membincangkan secara komprehensif dan menjustifikasikan mengenai kawasan penyelidikan yang dipilih, rekabentuk sampel yang akan dijalankan, tempoh masa diperlukan dan seterusnya kaedah pengumpulan data yang terlibat.

Sampel Penyelidikan

Sebelum sampel penyelidikan dapat dibincangkan secara mendalam, penyelidik ingin menyatakan populasi yang menjadi tumpuan penyelidikan ini. Populasi yang terlibat di sini adalah semua pelajar-pelajar Tingkatan Empat di Daerah Hilir Perak. Maklumat perangkaan yang didapati daripada Jabatan Pendidikan Negeri Perak Darul Ridzuan menunjukkan bilangan populasi pelajar-pelajar Tingkatan Empat di Daerah Hilir Perak adalah berjumlah seramai 2977 orang pelajar. Daerah Hilir Perak dipilih sebagai populasi kajian kerana penyelidik sememangnya bermastautin di sana dan sedang

berkhidmat di salah sebuah sekolah di daerah tersebut. Penyelidik adalah lebih selesa dan lebih mengenali dengan kawasan persekitaran populasi yang dipilih. Kesemua 17 sekolah bantuan penuh yang berada di Daerah Hilir Perak dimasukkan dalam populasi kajian. Senarai nama kesemua 17 buah sekolah-sekolah bantuan penuh yang berada di Daerah Hilir Perak ada dilampirkan di Lampiran A.

Penumpuan dibuat kepada pelajar-pelajar Tingkatan Empat sahaja kerana mereka adalah golongan yang difikirkan sesuai untuk mewakili kumpulan remaja yang berada pada peringkat umur 16-17 tahun. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia juga tidak membenarkan pelajar-pelajar dari kelas-kelas peperiksaan seperti di Tingkatan Tiga, Lima dan Enam Atas dipilih sebagai responden dalam sebarang penyelidikan ilmiah. Ini adalah kerana kesemua pelajar ini akan terlibat dengan peperiksaan awam kerajaan pada penghujung tahun, iaitu Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah untuk pelajar Tingkatan Tiga, Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia untuk pelajar Tingkatan Lima serta Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia untuk pelajar-pelajar Tingkatan Enam Atas.

Seramai 341 responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan Empat diambil sebagai sampel responden dari 17 buah sekolah bantuan penuh Daerah Hilir Perak di Perak Darul Ridzuan. Penumpuan penyelidik hanya pada sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan kerana ingin mengetahui samada sekolah-sekolah kerajaan yang dipilih mengimplementasikan pendidikan nilai murni merentasi kurikulum yang menjadi sahutan utama Falsafah Pendidikan Negara.

Untuk menentukan saiz sampel yang lebih tepat dan berkeyakinan mewakili populasi kajian, jadual saiz sampel telah dirujuk (lihat Sekaran, 1992: 253). Jadual yang diberikan oleh Sekaran dapat memberikan panduan saintifik am dalam menentukan keputusan saiz sampel. Menurut Sekaran (1992), populasi yang berjumlah seramai 2977 orang adalah paling sesuai diwakili oleh sampel seramai 341 orang responden.

Kaedah Pengumpulan Data

Untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai kajian yang dilakukan, kaedah pengumpulan data dengan penggunaan soal selidik telah dipilih oleh penyelidik. Kaedah ini dipilih oleh penyelidik kerana menurut Oppenheim (1983), penggunaan soal selidik dapat meliputi sampel yang lebih besar dengan penambahan kos yang sederhana dan juga ia dapat memberikan 'sampling' yang lebih tepat.

Kaedah pengumpulan data oleh penyelidik telah dimulakan dengan satu kajian perintis (pilot test) untuk mendapatkan kelincinan dan kefahaman bahasa serta struktur ayat yang terbaik untuk instrumen kajian yang akan digunakan. Sekolah Menengah Jitra, Jitra telah dipilih sebagai tempat kajian perintis. Sekolah ini sesuai dipilih kerana ia terdiri daripada pelajar-pelajar yang berbilang kaum. Seramai 50 pelajar Tingkatan Empat telah dipilih secara rawak. Pengendalian keseluruhan kajian perintis mengambil masa selama 35 minit. Pelajar-pelajar digalakkan untuk memberikan pandangan dan pendapat mengenai soalan-soalan yang dikemukakan. Maklumbalas yang didapati adalah amat memuaskan. Soalan-soalan yang kurang difahami kemudiannya dipinda dari segi bahasa dan struktur ayat yang berkaitan.

Sebelum prosedur pengumpulan data dapat dikendalikan dengan rasminya di sekolah-sekolah, permohonan kebenaran untuk menjalankan penyelidikan telah diperolehi terlebih dahulu dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Kebenaran surat kelulusan dari Jabatan Pendidikan Negeri Perak disusuli kemudian. Kedua-dua surat kelulusan telahpun ditunjukkan kepada semua Pengetua-pengetua Sekolah Menengah ketika membuat pengumpulan data di sekolah-sekolah tersebut. Selain daripada surat kelulusan dari Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Perak, surat pengenalan atau 'introductory cover letter' untuk Pengetua dan soal selidik juga ditunjukkan bersama.

Dalam surat pengenalan yang ditunjukkan, penyelidik telah membuat pengenalan diri serta menyatakan kepada pengetua-pengetua bahawa kebenaran untuk menjalankan penyelidikan telah diperolehi daripada Pengarah Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga daripada Ketua Bahagian/Pengarah Pendidikan Negeri Perak Darul Ridzuan. Penyelidik seterusnya meminta kerjasama pengetua-pengetua untuk membenarkannya mengendalikan sendiri sesi pengumpulan data ke atas 20 orang pelajar Tingkatan Empat yang akan dipilih secara rawak oleh penyelidik sendiri.

Prosedur pengumpulan data dikendalikan oleh penyelidik sendiri di semua sekolah-sekolah kerana menurut Oppenheim (1983), kaedah pengendalian sendiri soal selidik dapat memastikan kadar respons yang tinggi, sampling yang tepat serta meminimakan 'bias' penyelidik di samping membenarkan penyelidik sendiri mengendalikan serta memberi penerangan yang diperlukan kepada responden. Ini juga memberikan

kelebihan ke atas kadar interaksi personal di antara penyelidik dengan responden yang terlibat.

Penyelidik seterusnya mendapatkan semua buku kedatangan Tingkatan Empat dari Pengetua sekolah untuk membuat sampling sistematik dalam pemilihan pelajar secara rawak. Bilangan pelajar yang diperlukan untuk sebuah sekolah adalah seramai 20 atau 21 pelajar (341 pelajar di bahagikan dengan 17 buah sekolah). Dengan berdasarkan jumlah bilangan pelajar Tingkatan Empat yang berada di dalam sesebuah sekolah, penyelidik telah membahagikan jumlah bilangan ini dengan bilangan 20 untuk mendapatkan bilangan ke n untuk membuat sampling sistematik pada kesemua pelajar-pelajar Tingkatan Empat sekolah tersebut. Misalnya, sebuah sekolah mempunyai jumlah bilangan pelajar Tingkatan Empat seramai 200 pelajar, maka 200 pelajar ini akan dibahagikan dengan 20 untuk mendapatkan bilangan ke n yang sesuai. Maka setiap pelajar yang berada di bilangan yang ke 10 dan seterusnya akan dipilih sebagai responden oleh penyelidik.

Setelah mendapat dan mengumpulkan kesemua 20 pelajar yang dikehendaki ditempat yang sesuai, biasanya di Pusat Sumber sekolah, penyelidik akan memperkenalkan diri kepada responden-responden. Penyelidik seterusnya menerangkan tujuan kajian ini dibuat dan memberikan penerangan tentang teknik menjawab soal selidik yang telah dikemukakan. Setelah memahami arahan dan berada dalam keadaan yang selesa, responden akan mula menjawab soalan di soal selidik. Pengisian keseluruhan soal selidik yang diambil oleh kebanyakan responden ialah antara lima hingga tujuh minit. Penyelidik sentiasa berada di bilik berkenaan untuk menjawab sebarang pertanyaan

soalan dari responden. Setelah selesai menjawab, penyelidik mengingatkan responden untuk menyemak kembali kesemua helaian bercetak soal selidik telahpun dijawab. Akhir sekali, penyelidik akan mengumpulkan kesemua soal selidik dari setiap responden dan membuat penyemakan sekali lagi untuk menentukan bilangan kutipan yang tepat. Penyelidik seterusnya mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama yang diberikan oleh responden dan mereka dibenarkan pulang ke kelas masing-masing. Keseluruhan prosedur pengumpulan data yang dilakukan diulangi untuk kesemua sekolah yang terlibat. Tempoh masa yang telah diambil untuk pengendalian keseluruhan prosedur pengumpulan data adalah selama lapan hari.

Rekabentuk Soal Selidik

Keseluruhan soal selidik yang akan dikemukakan kepada responden mengandungi dua bahagian, iaitu bahagian A dan B.

Bahagian A mengandungi 30 soalan yang menilai secara keseluruhan pandangan responden dari aspek faktor-faktor situasi dan faktor-faktor pengajaran yang boleh mempengaruhi pelajar-pelajar dalam penerapan nilai-nilai murni. Soalan 1-5 menilai dari aspek pengaruh ibu bapa. Soalan 6-9 menilai dari aspek pengaruh rakan sebaya. Soalan 10-13 menilai dari aspek pengaruh media massa. Berikutannya, soalan 14-18 menilai dari aspek pengaruh guru sebagai peranan model dan seterusnya soalan 19-25 menilai aspek pengaruh daripada pengajaran guru dalam mempengaruhi penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Akhir sekali, soalan 26-30 menilai aspek pandangan pelajar-pelajar sendiri mengenai penerapan nilai-nilai murni oleh diri mereka sendiri. Kedua-dua faktor situasi dan pengajaran dikumpulkan secara

berturutan di Bahagian A. Faktor-faktor terlibat disusunkan sedemikian oleh Penyelidik kerana Roberson dan Sundstorm (1990) telah membuktikan bahawa faktor-faktor yang disusunkan dalam turutan mendapat kadar pemulangan yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan faktor-faktor yang disusunkan secara rawak. Ia juga memudahkan penyelidik dalam membuat pengumpulan kategori mengikut pembolehubah-pembolehubah, mengkod dan menganalisiskan respons yang diberikan (Sekaran, 1992).

Bahagian B mengandungi maklumat butir-butir diri responden yang merangkumi jantina, bangsa, agama dan maklumat mengenai ibu bapa pelajar dari segi jenis pekerjaan ibu bapa, pendapatan bulanan ibu bapa serta tahap pendidikan ibu bapa mereka. Butir-butir maklumat diri diletakkan di Bahagian B dan bukan di Bahagian A kerana Roberson dan Sundstorm (1990) telah mendapati lokasi item demografi di bahagian akhir soal selidik memberikan kadar pemulangan yang lebih tinggi. Selain daripada itu, Oppenheim (1986) juga menyatakan bahawa penyusunan data demografi diletakkan di bahagian akhir soal selidik kerana ia boleh memberikan satu keyakinan kepada responden terhadap keikhlasan pertanyaan yang dibuat oleh penyelidik.

Kesemua soalan yang terkandung dalam soal selidik Bahagian A yang dikemukakan adalah soalan-soalan jenis tertutup yang menggunakan skala Likert. Soalan-soalan jenis tutup dipilih untuk kajian ini kerana ia mudah, cepat untuk dijawab dan tidak memerlukan penulisan (Oppenhiem, 1986). Pemilihan perkataan yang sesuai dan mudah difahami dibuat oleh penyelidik untuk disesuaikannya kepada tahap responden yang disampelkan (Sekaran, 1992).

Kesemua 30 soalan adalah diukur menggunakan skala Likert, iaitu satu ukuran sela atau 'interval.' Skala sela ini dipilih kerana ia adalah satu skala yang mudah digunakan serta ia membolehkan pengiraan min dan sisihan lazim di buat ke atas respons terhadap pembolehubah-pembolehubah. Memandangkan kesemua sela antara skala adalah sama, ia juga boleh mengukur magnitud perbezaan dalam tahap keutamaan di kalangan individu (Sekaran, 1992). Oleh kerana skala Likert yang menggunakan lima pengukuran skala adalah pengukuran yang paling baik (Gable dan Wolf, 1993), maka penyelidik telah memilih lima pengukuran skala untuk kajian penyelidik. Penyelidik telah menetapkan skor 1 untuk menunjukkan skala amat tidak setuju, skor 2 menunjukkan skala tidak setuju, skor 3 menunjukkan skala tidak pasti, skor 4 menunjukkan skala setuju dan skor 5 menunjukkan skala amat setuju.

Soal selidik yang dikemukakan kepada pelajar-pelajar telah dibuat atas kertas bersaiz A4, iaitu dengan ukuran 11" x 8". Soal selidik yang dikemukakan kepada responden mengandungi empat helaian bercetak. Contoh soal selidik yang dikemukakan pada responden ada dilampirkan di bahagian Lampiran B.

Untuk penganalisaan data yang didapati, jawapan daripada semua responden akan dijumlahkan untuk mendapatkan jumlah skor keseluruhan untuk semua pembolehubah bebas dan bersandar yang terlibat. Jumlah skor keseluruhan ini kemudiannya akan digunakan untuk penganalisaan statistik inferens seperti Korelasi Pearson R dan Anova untuk menguji hipotesis-hipotesis kajian. Kesmua penganalisaan data statistik inferens penyelidik akan dibuat dengan menggunakan perisian statistik SPSS (Statistical Package for Social Sciences) for windows 6.0.¹ Pakej ini dipilih oleh penyelidik kerana

ia mudah digunakan disamping berupaya menghasilkan pameran graf-graf dan jadual. Ia juga mampu menganalisa banyak analisis statistiks yang berguna seperti frekuensi, deskriptif, korelasi, Ujian t, Anova, Regressi Pelbagai, faktor analisis dan lain-lain lagi (Norusis, 1994).

KADAR RESPON DAN CIRI-CIRI RESPONDEN

Penyelidik telah cuba untuk mendapatkan kadar respon yang tinggi supaya kesahihan dan kebolehpercayaan penyelidikan dapat diperkuatkan. Memandangkan penyelidik telah mengendalikan pengedaran dan pengumpulan soal selidik secara sendiri di sekolah-sekolah, kadar respon yang diterima adalah sebanyak 100 peratus. Tiada sebarang soal selidik yang tidak lengkap dijawab atau salah dijawab. Oleh itu, kesemua borang soal selidik yang telah dikembalikan telah dan boleh digunakan untuk tujuan analisis statistik.

Jadual 3.0 menerangkan profail responden-responden di dalam kajian ini. Daripada jadual tersebut, adalah didapati peratus pelajar lelaki dalam sampel yang digunakan adalah lebih kurang sama bilangan peratus pelajar perempuan. Peratus pelajar lelaki yang didapati adalah sebanyak 49.3% manakala peratus perempuan adalah sebanyak 50.7%. Adalah didapati dalam populasi sebenar, jumlah bilangan pelajar perempuan adalah melebihi daripada pelajar lelaki sebanyak 9%. Maka untuk persampelan yang lebih tepat, jumlah responden yang dipilih seharusnya diwakili oleh bilangan pelajar perempuan yang lebih ramai. Kebanyakan responden yang dipilih adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Melayu yang mewakili sebanyak 62.2% daripada sampel. Ini diikuti oleh pelajar-pelajar Cina yang terdiri daripada 25.2% dan seterusnya pelajar-

pelajar India seramai 12.6%. Peratusan bangsa yang diwakili oleh sampel ini adalah hampir sama dengan pembahagian peratusan populasi sebenar yang terdiri daripada 58.9 peratus pelajar Melayu, 26.9 peratus Cina dan 13.9 peratus India dan 0.3 peratus lain-lain. Kesemua pelajar-pelajar Melayu, Cina dan India juga menganuti agama rasmi masing-masing iaitu agama Islam, Buddha dan Hindu kecuali empat orang responden yang terdiri daripada dua pelajar Cina dan dua pelajar India yang beragama Kristian yang membentukkan hanya 1.2 peratus.

Jadual 3.0
Ciri-ciri dan Profil Responden (n=341)

PERKARA	PERATUS (%)
JANTINA	
Lelaki	49.3
Perempuan	50.7
BANGSA	
Melayu	62.2
Cina	25.2
India	12.6
AGAMA	
Islam	62.2
Buddha	24.6
Hindu	12.0
Kristian	1.2

Jika dilihat dari segi latar belakang responden-responden, adalah didapati kebanyakan pekerjaan bapa responden-responden adalah terdiri daripada kategori perkhidmatan, iaitu sebanyak 37.8%. Ini diikuti oleh kategori pertanian sebanyak 20.8% dan perniagaan sebanyak 13.2%. Seramai 77.7% ibu responden-responden adalah terdiri daripada surirumah tangga. Hanya segelintir ibu dan bapa responden yang berkhidmat dalam bidang profesional.

Hampir keseluruhan, iaitu sebanyak 80.6% pendapatan bulanan bapa responden-responden berada dalam tahap sederhana dan miskin. Begitu juga pendapatan bulanan ibu yang melibatkan 60% berada di bawah garis pendapatan kemiskinan.

Boleh dikatakan hampir 50% tahap pendidikan bapa responden mengikuti pengajian akademik mereka setakat sekolah rendah. Ini diikuti dengan 17.3% yang tamat Tingkatan Lima dan 15% yang tamat Tingkatan Tiga. Kedudukan juga hampir serupa untuk tahap pendidikan ibu responden-responden. Kebanyakan ibu responden-responden mengikuti pengajian akademik mereka setakat sekolah rendah sahaja. Ini diikuti oleh 15.2% ibu yang berkelayakan akademik tamat Tingkatan Lima dan 13.8% yang langsung tiada bersekolah. Kesemua maklumat yang dinyatakan boleh dirujuk di Jadual 3.1.

Jadual 3.1

Peratus Untuk Jenis Pekerjaan Ibu bapa, Pendapatan bulanan Ibu bapa dan Tahap Pendidikan Ibu bapa Responden (n=341)

PERKARA	PERATUS RESPONDEN UNTUK BAPA (%)	PERATUS RESPONDEN UNTUK IBU (%)
JENIS PEKERJAAN		
Profesional	3.8	1.2
Pengurusan	2.9	1.2
Perkeranian	2.3	0.9
Perniagaan	13.2	3.2
Perkhidmatan	37.8	10.9
Pertanian	20.8	2.1
Pengeluaran	3.2	1.8
Tidak bekerja	6.5	77.7
Bersara	9.4	1.2
PENDAPATAN BULANAN		
Di bawah RM 405	38.6	59.2
RM 406 - RM 810	42.0	17.1
RM 811 - RM 1215	11.3	15.8
RM 1216 - RM 1620	4.4	5.3
RM 1620 ke atas	3.8	2.6
TAHAP PENDIDIKAN		
Tiada bersekolah	6.5	13.8
Tamat sekolah rendah	46.9	49.6
Tamat Tingkatan Tiga	15.0	13.5
Tamat Tingkatan Lima	17.3	15.2
Tamat Tingkatan Enam	5.9	4.4
Maktab/Universiti	8.5	3.5

PENGUKURAN PEMBOLEHUBAH-PEMBOLEHUBAH

Soal selidik yang digunakan oleh penyelidik telah diubahsuai daripada soal selidik yang digunakan oleh Zalina Ab. Rahman (1990) dalam penulisan ilmiahnya yang bertajuk 'Perlaksanaan penerapan nilai-nilai murni merentasi dalam KBSM: Satu Tinjauan.' Soal selidik Zalina dipilih kerana penyelidikan yang dijalankan oleh beliau adalah berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik terutamanya dalam soalan-soalan yang berkaitan dengan faktor-faktor pengaruh ibu bapa, pengajaran guru serta penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar sendiri. Walau bagaimanapun, beberapa bahagian soal selidik tersebut telah dimodifikasi untuk disesuaikan dengan faktor-faktor kajian penyelidik yang berlainan. Contohnya bahagian yang boleh dipinda untuk disesuaikan kepada faktor pengaruh yang lain seperti rakan sebaya, media massa, pengajaran guru yang berkaitan di buat demikian untuk disesuaikan dengan faktor-faktor pengaruh penyelidikan ini. Untuk soalan-soalan yang berkaitan dengan faktor-faktor pengajaran guru, penyelidik juga telah mengadaptasikan serta mengubahsuai soal selidik yang dikemukakan oleh Ismail Jusoh (1994). Soalan-soalan yang berkaitan dengan faktor guru sebagai peranan model telah diadaptasikan daripada Bergem (1990). Soalan-soalan yang berkaitan dengan pengaruh rakan sebaya dan media massa telah dibuat oleh penyelidik sendiri.

Keesahan instrumen soal selidik yang digunakan telah dibuktikan dalam kajian yang telah dibuat oleh penyelidikan Zalina Ab. Rahman (1990), Ismail Jusoh (1994) dalam konteks Malaysia dan Bergem (1990). Daripada analisis SPSS untuk kebolehpercayaan Alpha Cronbach, adalah didapati bahawa instrumen kajian yang digunakan di dalam kajian ini mempunyai kebolehpercayaan sebanyak 0.63. Menurut Sekaran (1992),

kebolehpercayaan yang berada dalam lingkungan 0.6-0.7 boleh diterima.

Pembolehubah-pembolehubah samada bersandar atau bebas akan didefinisikan secara operasional untuk memudahkan pengukuran ke atas pembolehubah-pembolehubah tersebut. Dalam soal selidik yang diberikan, terdapat beberapa pembolehubah-pembolehubah bebas dan satu pembolehubah bersandar yang perlu ditakrifkan.

Pengaruh Ibu bapa

Faktor-faktor situasi seperti pengaruh ibu bapa ke atas penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar adalah diukur berdasarkan kepada bimbingan, nasihat, ajaran, pengambilberatan serta didikan agama yang telah diberikan oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka. Sebanyak lima soalan iaitu dari soalan satu hingga soalan lima telah dikemukakan untuk mendapatkan pandangan pelajar-pelajar mengenai peranan ibu bapa dalam mempengaruhi mereka dalam penerapan nilai-nilai murni. Di antara kelima-lima soalan yang ditanya, terdapat beberapa soalan yang dipersoalkan secara negatif. Soalan-soalan ini dimasukkan kerana bertujuan untuk meminimumkan kecenderungan responden untuk membulatkan jawapan pada satu arah skala akhir sahaja (Sekaran, 1992). Beberapa soalan yang berkaitan adalah seperti 'Ibu bapa saya sentiasa memberi bimbingan, nasihat dan ajaran tentang pengamalan nilai-nilai murni kepada saya,' 'Saya kurang mendapat perhatian keluarga dari segi penerapan dan pengamalan nilai-nilai murni' serta 'Saya kurang mendapat didikan Agama daripada ibu bapa saya di rumah.'

Pelajar-pelajar yang merasakan bahawa ibu bapa mereka sentiasa memberi bimbingan dan nasihat kepada mereka dalam pengamalan nilai-nilai murni akan membulatkan skor

lima yang menunjukkan skala untuk pandangan amat setuju. Sekiranya mereka berpendapat bahawa kadang-kadang sahaja ibu bapa mereka memberi nasihat dan bimbingan kepada mereka mengenai penerapan nilai-nilai murni akan memberikan skor empat yang menunjukkan skala setuju. Begitulah seterusnya untuk soalan-soalan lain yang dikemukakan. Sekiranya mereka merasakan bahawa ibu bapa mereka langsung tidak memberi bimbingan dan nasihat dalam aspek ini, mereka akan membulatkan skor satu yang memberi pandangan amat tidak setuju terhadap pernyataan tersebut.

Pengaruh Rakan Sebaya

Faktor-faktor situasi seperti pengaruh rakan sebaya ke atas penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar merangkumi pandangan pelajar-pelajar mengenai kesenangan pengikutan tingkah-laku dan perlakuan rakan-rakan sebaya mereka tanpa mengambilkira samada penerapan nilai-nilai tersebut adalah baik ataupun tidak. Sebanyak empat soalan, iaitu soalan enam hingga soalan sembilan telah dikemukakan untuk mendapatkan pandangan pelajar-pelajar mengenai peranan rakan sebaya mereka dalam mempengaruhi mereka dalam penerapan nilai-nilai murni. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah seperti 'Saya senang mengikut tingkah laku kawan saya sekiranya saya berpendapat ia adalah bersesuaian dengan perlakuan diri saya,' 'Saya senang dipengaruhi oleh perlakuan kawan saya sekiranya rakan-rakan yang lain mengikuti perlakuannya' dan 'Saya sukar untuk mempratikkan nilai-nilai yang baik sebab ia bertentangan dengan nilai-nilai kawan saya.' Seperti pengaruh ibu bapa, pelajar-pelajar akan memberikan skor lima untuk amat setuju sekiranya mereka berpendapat bahawa mereka senang dipengaruhi oleh rakan sebaya mereka dan sebalik untuk skor yang lebih rendah. Kesemua soalan-soalan yang dikemukakan dalam bahagian ini telah

dipersoalkan dalam bentuk positif.

Pengaruh Media Massa

Faktor-faktor situasi seperti pengaruh media massa ke atas penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar adalah diukur berdasarkan kepada pandangan pelajar-pelajar sendiri keatas kemudahan terpengaruhnya tingkah laku serta perlakuan mereka melalui media tersebut. Sebanyak empat soalan iaitu soalan 10 hingga soalan 13 telah dikemukakan untuk mendapatkan pandangan pelajar-pelajar dalam peranan media massa dalam mempengaruhi mereka dalam penerapan nilai-nilai murni. Satu soalan yang dipersoalkan dalam bentuk negatif telah juga dikemukakan. Misalannya dengan pengemukaan soalan-soalan seperti 'Saya mudah terpengaruh oleh rancangan televisyen, video dan filem' dan 'Saya mudah terpengaruh oleh gaya dan perlakuan artis-artis/pelakon-pelakon,' pelajar-pelajar akan memberikan jawapan untuk amat setuju sekiranya mereka berpendapat bahawa mereka mudah dipengaruhi oleh media massa. Skor satu untuk amat tidak setuju akan dikemukakan sekiranya pelajar-pelajar berpendapat sebaliknya.

Pengaruh Guru Sebagai Peranan Model

Faktor-faktor pengajaran seperti pengaruh guru sebagai peranan model dalam mempengaruhi penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar diukur berdasarkan pendapat pelajar-pelajar yang menganggap guru mereka sebagai 'role model' yang boleh mempengaruhi perkembangan peribadi dan kehidupan mereka. Sebanyak lima soalan, iaitu soalan 14 hingga soalan 18 telah dikemukakan untuk mendapatkan pandangan pelajar-pelajar dalam pengaruh guru mereka sebagai peranan

model dalam mempengaruhi mereka dalam penerapan nilai-nilai murni. Contoh soalan-soalan yang dikemukakan untuk aspek ini ialah 'Guru saya merupakan peranan model yang terpenting dalam mempengaruhi saya dalam penerapan nilai-nilai murni,' 'Saya bersetuju bahawa guru seharusnya menjadi peranan model kepada pelajar-pelajarnya' dan 'Perhubungan saya dengan guru saya sentiasa mempengaruhi perkembangan peribadi dan kehidupan saya.' Pandangan positif yang amat setuju pada pernyataan yang diberikan akan diberikan skor lima oleh pelajar-pelajar dan sekiranya mereka langsung tidak bersetuju pada kenyataan yang diberikan dalam soal selidik akan diberikan skor satu yang membawa pengukuran amat tidak setuju.

Pengaruh Pengajaran Guru

Faktor-faktor pengajaran seperti pengajaran guru adalah diukur berdasarkan pengajaran nilai-nilai murni yang perlu diajar dalam kurikulum, pernyataan nilai-nilai murni yang telah difahami oleh pelajar-pelajar serta peneguran terhadap sikap yang tidak baik oleh guru. Sebanyak tujuh soalan iaitu soalan 19 hingga soalan 25 telah dikemukakan untuk mendapatkan pandangan pelajar mengenai peranan pengajaran guru mengenai nilai-nilai murni dalam mempengaruhi mereka dalam penerapan nilai-nilai tersebut. Misalannya soalan-soalan seperti 'Guru saya ada menjelaskan kepentingan nilai-nilai murni yang diterapkan oleh guru saya dalam setiap waktu pengajarannya,' 'Saya memahami dan sedar tentang nilai-nilai murni yang diterapkan oleh guru saya dalam setiap waktu pengajarannya' serta 'Guru saya sentiasa memberi teguran terhadap sikap yang tidak baik' telah dikemukakan untuk mendapatkan respons pelajar mengenai pernyataan-pernyataan tersebut. Pelajar-pelajar yang berpandangan bahawa guru mereka sentiasa mengajar di samping menerapkan nilai-nilai murni dalam pengajaran

mereka akan memberikan skor lima untuk pandangan amat setuju. Sekiranya, pelajar-pelajar berpendapat bahawa guru mereka kadang-kadang sahaja memberikan pengajaran nilai-nilai murni dalam pengajaran mereka akan memberikan respons skor empat yang menunjukkan pandangan setuju. Sebaliknya, jika pelajar-pelajar berpendapat bahawa guru mereka langsung tidak mengajar nilai-nilai murni dalam pengajaran mereka akan memberikan skor satu untuk memberikan pandangan amat tidak setuju.

Penerapan Nilai-Nilai Murni oleh Pelajar-Pelajar Sendiri

Penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar oleh diri mereka sendiri merangkumi pandangan pelajar-pelajar sendiri mengenai pengamalan nilai-nilai murni dalam perlakuan mereka seharian serta penerapan nilai-nilai murni dalam peribadi mereka. Sebanyak lima soalan, iaitu soalan 26 hingga soalan 30 telah dikemukakan untuk mendapatkan pandangan pelajar-pelajar mengenai penerapan nilai-nilai murni oleh diri mereka sendiri. Beberapa soalan yang berkaitan yang ditanya adalah seperti 'Saya cuba mempratikkan sikap yang baik dalam tingkah laku saya,' 'Saya bersedia untuk menjadi seorang yang baik' dan 'Saya sedar adalah tanggungjawab saya untuk mengamalkan nilai-nilai murni yang saya telah pelajari.' Sekiranya pelajar-pelajar berpendapat bahawa mereka sentiasa mengamal dan menerapkan nilai-nilai murni dalam perlakuan harian mereka akan memberikan skor lima untuk menunjukkan pandangan amat setuju dan skor satu untuk pandangan yang sebaliknya.

Untuk kesemua pembolehubah-pembolehubah yang telah dinyatakan di atas, kesemua skor untuk setiap kategori pembolehubah akan dijumlahkan. Misalannya untuk faktor

pengaruh ibu bapa, lima soalan yang dikemukakan akan dijumlahkan skor respons yang diberikan oleh setiap pelajar. Sekiranya responden A menjawab kesemuanya skor lima untuk semua pernyataan yang diberikan dalam faktor pembolehubah pengaruh ibu bapa, maka jumlah skor yang akan didapati adalah sebanyak 25. Sebaliknya jika responden itu memberikan semua skor satu, maka jumlah skornya adalah sebanyak lima sahaja. Begitu juga untuk semua pengaruh-pengaruh penerapan nilai-nilai murni yang lain. Jumlah skor maksima untuk pengaruh rakan sebaya adalah sebanyak 20 dan minima sebanyak empat, jumlah skor untuk pengaruh media massa adalah sama seperti pengaruh rakan sebaya. Manakala untuk pengaruh guru sebagai peranan model, jumlah skor yang didapati adalah sebanyak 25 dan skor minima adalah sebanyak lima. Pengaruh pengajaran guru mempunyai jumlah skor maksima sebanyak 35 dan minima sebanyak tujuh. Jumlah keseluruhan skor untuk semua responden akan didapatkan.

Untuk soalan-soalan yang dipersoalkan dalam bentuk negatif seperti yang terdapat dalam pengaruh ibu bapa dan pengaruh media massa, skor yang diberikan oleh responden akan dikodkan semula untuk tujuan analisis data. Proses mengkod semula yang terlibat adalah seperti yang dinyatakan. Sekiranya responden B memberikan skor 1 untuk pertanyaan soalan berbentuk negatif, maka penyelidik akan mengkodkan semula kepada skor 5. Respons untuk skor 2 akan menjadi 4, skor 3 masih kekal sama, skor 4 bertukar menjadi 2 dan akhir sekali skor 5 ditukarkan menjadi 1.

Jenis Pekerjaan Ibu bapa

Jenis pekerjaan ibu bapa yang dinyatakan oleh responden telah dikategorikan mengikut kumpulan tertentu oleh penyelidik. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga

Buruh Jabatan Perangkaan Malaysia 1994, jenis pekerjaan rakyat Malaysia telah dikategorikan kepada tujuh kumpulan utama. Penyelidik telah mengadaptasikan kumpulan-kumpulan ini untuk mengkategorikan jenis pekerjaan ibu bapa responden-responden. Tujuh kumpulan besar yang dikategorikan termasuk 1) Profesional 2) Pengurusan 3) Perkeranian 4) Perniagaan 5) Perkhidmatan 6) Pertanian dan 7) Pengeluaran. Penyelidik telah menambahkan dua kategori iaitu Tidak Bekerja untuk suri rumah tangga dan Bersara untuk ibu bapa responden yang telah bersara.

Pendapatan Bulanan Ibu bapa

Pendapatan bulanan ibu bapa yang dinyatakan oleh responden telah juga dikategorikan mengikut kumpulan tertentu oleh penyelidik. Dengan merujuk kepada Rancangan Malaysia ke Enam, telah didapati bahawa garis pendapatan kemiskinan yang ditetapkan ialah sebanyak RM 405 sebulan bagi saiz isirumah 4.8 di Semenanjung Malaysia. Menurut Laporan Ekonomi 1994/95, adalah didapati purata pendapatan sebulan rakyat Malaysia berada dalam lingkungan RM 1600. Berpandukan kepada kedua-dua maklumat, penyelidik telah mengkategorikan pendapatan bulanan ibu bapa kepada kategori-kategori berikut, iaitu 1) Di bawah RM 405 2) RM 406- RM 810 3) RM 811 - RM 1215 4) RM 1216 - RM 1620 dan 5) RM 1620 ke atas.

DESKRIPSI UMUM MENGENAI PROSEDUR STATISTIK

Kesemua dapatan yang didapati akan dianalisa pada paras signifikan kurang daripada 0.05 kerana kebanyakan kajian Sains Kemasyarakatan menetapkan paras signifikan p kurang daripada 0.05 (Tuckman, 1978). Kesemua hipotesis kajian ini akan dianalisa berdasarkan statistik inferens yang sesuai. Pembolehubah-pembolehubah bebas yang

terlibat seperti pengaruh ibu bapa, rakan sebaya, media massa, guru sebagai peranan model dan pengajaran guru telah diukur dengan menggunakan skala sela, manakala jantina, bangsa, agama, jenis pekerjaan ibu bapa, pendapatan bulanan ibu bapa dan tahap pendidikan ibu bapa diukur menggunakan skala nominal. Pembolehubah bersandar, iaitu penerapan nilai-nilai murni oleh pelajar-pelajar sendiri telah diukur dengan menggunakan skala jenis sela.

Berdasarkan apa yang perlu dikaji dalam penyelidikan ini dengan skala-skala yang telah digunakan dalam soal selidik, ujian statistik inferens yang sesuai boleh dipilih (Tuckman,1978: 255). Hipotesis 1 hingga 5 melibatkan pembolehubah bebas berskala sela dengan pembolehubah bersandar yang juga berskala sela. Memandangkan kedua-dua pembolehubah menggunakan skala sela, koefisien korelasi Pearson digunakan untuk menganalisa pengukuhan perhubungan yang wujud di antara penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar dengan faktor-faktor pembolehubah bebas yang ditetapkan. Memandangkan arah perhubungan telah dinyatakan untuk kesemua hipotesis 1 hingga 5, maka penganalisaan data telah dibuat dengan menggunakan ujian 'one-tailed.' Untuk pembolehubah jantina yang hanya melibatkan dua kategori skala nominal, iaitu lelaki dan perempuan sahaja, maka Hipotesis 6 diuji dengan menggunakan Ujian t yang bertujuan untuk melihat samada wujudnya perbezaan yang signifikan di antara kedua-dua pembolehubah bebas dan bersandar yang dinyatakan. Hipotesis 7 hingga 11 pula diuji dengan menggunakan analisis varians (ANOVA), kerana pembolehubah bebas menggunakan lebih daripada dua kategori skala nominal dan pembolehubah bersandar yang masih berskala sela. Analisis varians juga digunakan di Hipotesis 7 hingga 11 untuk menguji samada wujudnya perbezaan yang

signifikan di antara kesemua pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar yang dinyatakan. Memandangkan tiada sebarang arah yang ditetapkan untuk Hipotesis 6 hingga 11, maka penganalisaan data telah dibuat dengan menggunakan ujian 'two-tailed' (Elzey, 1983).

KESIMPULAN

Berdasarkan pada ulasan karya-karya lepas yang memberi sokongan terhadap pembolehubah-pembolehubah yang hendak dikaji, sebanyak 11 hipotesis telah dinyatakan dalam kajian ini. Kaedah pengumpulan data dengan menggunakan instrumen soal selidik telah dikendalikan oleh penyelidik sendiri di sekolah-sekolah. Sampel penyelidikan yang melibatkan seramai 341 responden pelajar-pelajar Tingkatan Empat di 17 buah sekolah bantuan penuh kerajaan di Daerah Hilir Perak telah dipilih. Majoriti responden yang dipilih adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Melayu, diikuti oleh pelajar-pelajar Cina dan India. Boleh dikatakan kebanyakan responden berasal dari keluarga yang sederhana miskin serta ibu bapa yang berpengajian akademik setakat sekolah rendah sahaja. Pembolehubah-pembolehubah yang terlibat dalam kajian telah didefinisikan secara operasional untuk memudahkan pengukuran ke atas pembolehubah-pembolehubah tersebut. Hipotesis-hipotesis satu hingga lima akan diuji dengan menggunakan ujian korelasi Pearson R untuk menentukan samada terdapatnya perhubungan positif atau negatif yang signifikan untuk setiap pembolehubah yang dinyatakan. Hipotesis-hipotesis enam hingga sebelas akan diuji dengan menggunakan analisis varians untuk menentukan samada wujudnya perbezaan yang signifikan diantara setiap pembolehubah yang dinyatakan. Kesemua dapatan yang dikaji akan dianalisiskan pada paras signifikan kurang daripada 0.05.

BAB 4

KEPUTUSAN KAJIAN

Penganalisaan data yang diperolehi akan dibentangkan dan diuraikan secara terperinci dalam bab ini. Statistik deskriptif yang merangkumi min dan sisihan lazim mengenai semua pembolehubah yang terlibat diilustrasikan dalam bentuk jadual serta diberi penerangan. Pembentangan keputusan mengikut turutan hipotesis-hipotesis kajian akan dinyatakan dalam bahagian keputusan dan diikuti dengan penerangan penerimaan atau penolakan hipotesis yang sewajarnya.

STATISTIK DESKRIPTIF

Jadual 4.0 menunjukkan statistik deskriptif untuk semua pembolehubah-pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar yang digunakan dalam kajian penyelidik. Kesemua pembolehubah yang terlibat dinyatakan dalam min dan sisihan lazim yang diperolehi daripada jumlah markah untuk setiap kategori faktor pembolehubah dibahagikan dengan bilangan soalan yang dinyatakan untuk semua responden yang terlibat. Adalah didapati bahawa kebanyakan responden bersetuju bahawa ibu bapa mempunyai pengaruh dalam penerapan nilai-nilai murni di kalangan mereka. Walau bagaimanapun kebanyakannya mereka tidak pasti samada rakan sebaya mereka boleh mempengaruhi penerapan nilai murni dalam diri mereka sendiri. Mengenai pengaruh media massa pula, mereka hampir tidak setuju bahawa ia boleh mempengaruhi penerapan nilai-nilai murni dalam diri mereka sendiri. Tetapi, majoriti daripada responden memberikan

pandangan bersetuju bahawa peranan guru sebagai model dan pengajaran guru dapat mempengaruhi penerapan nilai-nilai murni dalam diri mereka sendiri.

Jadual 4.0
Min dan Sisihan Lazim untuk Pembolehubah-pembolehubah Bebas dan Bersandar (n=341)

PEMBOLEHUBAH-PEMBOLEHUBAH	MIN	SISIHAN LAZIM
Pengaruh ibu bapa	4.29	0.532
Pengaruh rakan sebaya	2.99	0.669
Pengaruh media massa	2.64	0.669
Pengaruh guru sebagai peranan model	3.82	0.563
Pengaruh pengajaran guru	4.08	0.487
Penerapan nilai murni oleh pelajar sendiri	4.38	0.505

Nota: Min untuk kesemua pembolehubah berada dalam skala 5 unit di mana 1 mewakili amat tidak setuju, dan 5 mewakili amat setuju.

KEPUTUSAN

Penganalisaan daptan dibuat berdasarkan kepada turutan setiap hipotesis yang telah dinyatakan. Pembentangan keputusan hasil daptan dibuat mengikut ujian statistik inferens yang telah ditetapkan mengikut hipotesis-hipotesis tertentu. Penerimaan atau penolakan hipotesis yang dibuat oleh penyelidik akan diterangkan dengan bantuan ilustrasi jadual serta nilai-nilai yang diperolehi.

Hipotesis 1: Faktor situasi seperti pengaruh ibu bapa mempunyai satu perhubungan positif yang signifikan terhadap penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar.

Adalah didapati bahawa korelasi(r) yang diperolehi adalah $r=0.40$, ($p=0.000$). Dapatkan ini menunjukkan terdapat perhubungan positif yang signifikan di antara pengaruh ibu bapa dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Ini bermakna hipotesis 1 adalah diterima dan disokong.

Hipotesis 2: Faktor situasi seperti pengaruh rakan sebaya mempunyai satu perhubungan positif yang signifikan terhadap penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar.

Adalah didapati koefisien korelasi(r) yang diperolehi adalah -0.07 ($p=0.099$). Dapatkan ini menunjukkan tiada perhubungan positif yang signifikan di antara pengaruh rakan sebaya dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Ini bermakna Hipotesis 2 adalah ditolak.

Hipotesis 3: Faktor situasi seperti media massa mempunyai satu perhubungan negatif yang signifikan terhadap penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar.

Keputusan menunjukkan koefisien korelasi(r) adalah $r=-0.22$ ($p=0.000$). Dapatkan ini menunjukkan terdapat perhubungan negatif yang signifikan di antara pengaruh media massa dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Ini bermakna hipotesis 3 adalah diterima dan disokong.

Hipotesis 4: Faktor pengajaran seperti pengaruh guru sebagai peranan model (role model) mempunyai satu perhubungan positif yang signifikan terhadap penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar.

Didapati koefisien korelasi(r) adalah 0.33 ($p=0.000$). Dapatan ini menunjukkan terdapat perhubungan positif yang signifikan di antara pengaruh guru sebagai peranan model dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Ini bermakna Hipotesis 4 diterima dan disokong.

Hipotesis 5: Faktor pengajaran seperti hasil pengajaran guru mempunyai satu perhubungan positif yang signifikan terhadap penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar.

Adalah didapati koefisien korelasi(r) adalah 0.45 ($p=0.000$). Dapatan yang didapati juga menunjukkan terdapat perhubungan positif yang signifikan di antara pengaruh pengajaran guru dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Ini bermakna hipotesis 5 adalah disokong.

Kesemua dapatan kajian adalah diringkaskan dalam matriks korelasi yang boleh dilihat dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1
Matriks Korelasi Di Antara Pembolehubah-Pembolehubah (n=341)

	Pengaruh ibu bapa	Pengaruh rakan sebaya	Pengaruh media massa	Pengaruh guru sebagai peranan model	Penerapan pengajaran guru	Penerapan nilai-nilai oleh pelajar-pelajar
Pengaruh ibu bapa						
Pengaruh rakan sebaya	-0.11 (0.019)*					
Pengaruh media massa	-0.18 (0.000)***	0.27 (0.000)***				
Pengaruh guru sebagai peranan model	0.39 (0.000)***	-0.01 (0.40)	-0.10 (0.040)*			
Pengaruh pengajaran guru	0.41 (0.000)***	-0.12 (0.014)*	-0.16 (0.002)**	-0.16 (0.002)**	0.47 (0.000)***	
Penerapan nilai-nilai murni oleh pelajar-pelajar	0.40 (0.000)***	-0.07 (0.099)	-0.22 (0.000)	-0.22 (0.000)	0.33 (0.000)***	0.45 (0.000)***

60

nomor dalam kurungan mewakili nilai p

* p < 0.05

** p < 0.005

*** p < 0.0005

Hipotesis 6: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar lelaki dan perempuan.

Keputusan untuk Ujian t antara kedua-dua pembolehubah ditunjukkan dalam Jadual 4.2.

Adalah didapati bahawa t adalah -4.58 ($p= 0.000$). Dapatan ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar lelaki dan perempuan. Ini bermakna hipotesis 6 adalah diterima dan disokong.

Jadual 4.2

Keputusan Ujian t: Jantina dengan Penerapan Nilai-Nilai Murni Di Kalangan Pelajar-pelajar.

JANTINA	MIN	SISIHAN LAZIM	NILAI t
Lelaki	21.2798	2.633	-4.58 *
Perempuan	22.4971	2.271	

* $p < 0.0005$

Hipotesis 7: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar yang berlainan bangsa.

Memandangkan skala untuk pembolehubah bangsa adalah lebih daripada dua kumpulan nominal, analisa varians (ANOVA) telah digunakan untuk menganalisa perbezaan yang terdapat di antara kedua-dua pembolehubah tersebut. Dengan merujuk kepada Jadual 4.3, adalah didapati bahawa F adalah 5.33 ($p=0.0052$). Dapatan ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar yang berbangsa Melayu, Cina dan India. Oleh itu, hipotesis 7 adalah diterima dan disokong. Ujian Tukey-HSD telah dijalankan untuk menunjukkan perbezaan yang signifikan antara dua kumpulan yang dikenalpasti. Dua kumpulan yang didapati menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam penerapan nilai-nilai

murni ialah pelajar-pelajar yang berbangsa Cina dan India. Ini bermakna bahawa pelajar-pelajar berbangsa Cina dan India menunjukkan kecenderungan penerapan nilai-nilai murni yang lebih ketara jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar yang berbangsa Melayu.

Hipotesis 8: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar yang berlainan agama.

Dengan merujuk kepada Jadual 4.3, adalah didapati $F= 4.45$ ($p= 0.0044$). Dapatan ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar yang beragama Islam, Buddha, Hindu dan Kristian. Oleh itu, hipotesis 8 adalah diterima dan disokong. Ujian Tukey-HSD telah juga dijalankan untuk menunjukkan perbezaan yang signifikan antara dua kumpulan yang nyata. Adalah didapati terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar yang beragama Buddha dan Hindu. Ini bermakna pelajar-pelajar yang beragama Buddha dan Hindu menunjukkan kecenderungan penerapan nilai-nilai murni yang lebih ketara jika berbanding dengan pelajar-pelajar yang beragama Islam dan Kristian.

Jadual 4.3
**Keputusan Analisis Varians (ANOVA) Antara Bangsa, Agama Dengan
Penerapan Nilai-Nilai Murni Di Kalangan Pelajar-Pelajar**

PEMBOLEHUBAH BEBAS	NILAI F
BANGSA	5.33 ($p=0.0052$)*
AGAMA	4.45 ($p=0.0044$)*

Nombor dalam kurungan mewakili nilai p

* $p < 0.05$

Hipotesis 9: **Terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar yang berlainan jenis pekerjaan ibu dan bapa mereka.**

Analisis Varians (ANOVA) menunjukkan nilai F untuk jenis pekerjaan bapa adalah 0.61 ($p= 0.7678$), manakala untuk jenis pekerjaan ibu, nilai F yang didapati adalah 1.20 ($p=0.2981$). Dapatan dari kedua-dua pembolehubah menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan nilai-nilai murni dengan kedua-dua jenis pekerjaan ibu dan bapa yang berlainan. Ini menunjukkan bahawa hipotesis 9 tidak disokong. Kesemua maklumat mengenai dapatan ini dipaparkan di Jadual 4.5.

Hipotesis 10: **Terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar yang berlainan pendapatan bulanan ibu dan bapa mereka**

Daripada ujian ANOVA, didapati bahawa nilai F untuk pendapatan bulanan bapa adalah 1.00 ($p= 0.4094$), manakala nilai F untuk pendapatan bulanan ibu adalah 0.49 ($p= 0.7466$). Keputusan ini menunjukkan hipotesis 10 tidak disokong. Dapatan keputusan juga ditunjukkan di Jadual 4.5.

Hipotesis 11: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar yang berlainan tahap pendidikan ibu dan bapa mereka.

Daripada ujian ANOVA, nilai F untuk tahap pendidikan bapa ialah 0.96 ($p=0.4394$), manakala nilai F untuk tahap pendidikan ibu ialah 1.02 ($p=0.4050$). Dapatkan tahap pendidikan ibu bapa juga tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Ini bermakna hipotesis 11 tidak disokong.

Jadual 4.4

Keputusan Analisis Varians Antara Jenis Pekerjaan Ibu bapa, Pendapatan Bulanan Ibu bapa dan Tahap Pendidikan Ibu bapa Dengan Penerapan Nilai-Nilai Murni Di Kalangan Pelajar–Pelajar.

PEMBOLEHUBAH-PEMBOLEHLUBAH BEBAS	NILAI F
Jenis pekerjaan bapa	0.61 ($p=0.7678$)
Jenis pekerjaan ibu	1.2 ($p=0.2981$)
Pendapatan bulanan bapa	1.0 ($p=0.4094$)
Pendapatan bulanan ibu	0.49 ($p=0.7466$)
Tahap pendidikan bapa	0.96 ($p=0.4394$)
Tahap pendidikan ibu	1.02 ($p=0.405$)

Nombor dalam kurungan mewakili nilai p

KESIMPULAN

Setelah dianalisis kesemua dapatan mengikut turutan hipotesis dengan ujian statistik inferens yang sesuai, didapati H1, H3, H4, H5, H6, H7 dan H8 telah diterima dan disokong. Keputusan hipotesis kajian telah menunjukkan terdapat perhubungan positif yang signifikan di antara pengaruh ibu bapa, pengaruh guru dan pengajaran guru terhadap penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar, manakala pengaruh media massa menunjukkan perhubungan negatif yang signifikan terhadap penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Keputusan kajian juga menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan di antara jantina, bangsa dan agama responden terhadap penerapan nilai-nilai murni di kalangan mereka. Keputusan dapatan telah menunjukkan H2, H9, H10 dan H11 ditolak. Dapatan tidak dapat menunjukkan terdapat perhubungan positif yang signifikan di antara pengaruh rakan sebaya dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Dapatan analisis varians untuk jenis pekerjaan ibu bapa, pendapatan bulanan ibu bapa serta tahap pendidikan ibu bapa juga tidak dapat menunjukkan perbezaan yang signifikan dengan pembolehubah bersandar, iaitu penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar.

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Bab ini membincangkan hipotesis-hipotesis penyelidikan berdasarkan pada sokongan dapatan dan keputusan kajian yang telah dihuraikan di Bab 4. Selanjutnya implikasi-implikasi untuk latihan dan penyelidikan yang merangkumi implikasi untuk pengurus-pengurus, pihak pengamalan yang berkaitan dan implikasi untuk teori dan penyelidikan masa akan datang akan dibincangkan. Limitasi kajian untuk penyelidikan ini akan dinyatakan sebelum kesimpulan keseluruhan kajian ini di buat.

PERBINCANGAN

H1: Hubungan antara pengaruh ibu bapa dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar.

Hasil daripada keputusan kajian ini telah menunjukkan wujudnya perhubungan positif yang signifikan di antara pengaruh ibu bapa dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar ($r=0.40$, $p<0.0005$). Secara keseluruhannya, terdapat hubungan positif yang agak kukuh di antara pengaruh ibu bapa dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Ini bermakna semakin kuat pengaruh dari ibu bapa dalam mempengaruhi anak-anak mereka dalam penerapan nilai-nilai murni, semakin banyak nilai-nilai murni yang akan diterapkan oleh anak-anak tersebut. Keputusan kajian ini adalah konsisten dengan kajian yang dilakukan oleh Takashi Koizumi (1989) yang mendapati terdapat perhubungan positif yang signifikan di antara tanggapan ibu bapa

yang boleh dihormati oleh kanak-kanak sendiri dengan pembentukan kesedaran nilai-nilai yang positif di kalangan mereka. Sememangnya, ibu bapa adalah orang yang amat berpengaruh dan rapat sekali dengan jiwa seorang kanak-kanak. Ibu bapa memang merupakan teras bagi sesuatu keluarga. Menurut Mat Peringat (Berita Harian, Ogos 9, 1993), ibu bapa bukan sahaja perlu memberi keperluan asas seperti pakaian dan makanan yang mencukupi kepada anak-anak mereka tetapi yang paling penting ialah pendidikan akhlak sebagai makanan rohaniah.

Suid bin Hanapi (1989) juga menyokong kenyataan Mat Peringat dengan mengatakan salah satu daripada peranan penting ibu bapa ialah sebagai pembentukan akhlak terhadap anak-anaknya. Ibu bapalah yang bertanggungjawab dalam menerapkan nilai-nilai murni, adat istiadat, pegangan, kepercayaan dan mengajar mematuhi ajaran agama di kalangan anak-anak. Ibu bapa lebih berperanan sebagai pembimbing terhadap anak-anak jika dibanding dengan guru-guru. Keadaan aspek dan situasi ini adalah amat bersesuaian dengan sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud, "Setiap anak dilahirkan suci, terpulanglah kepada kedua ibu bapanya untuk mencorakkan anak itu samada menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi."

Begitulah pentingnya peranan serta tanggungjawab ibu bapa ke atas pembinaan akhlak anak-anaknya. Mereka seharusnya senantiasa mengawasi, membimbang, memberi nasihat serta didikan agama yang sewajarnya kepada anak-anak mereka. Anak-anak mereka perlu dibelai, dipupuk dengan kasih sayang dan dijaga dengan baik. Ibu bapa seharusnya sentiasa bersedia dan peka untuk membantu dan berkongsi masalah-masalah yang dihadapi oleh anak-anak mereka. Cara pendidikan ibu bapa seharusnya bersikap

liberal dan demokratik terhadap anak-anak mereka. Pendidikan jenis autokrasi terhadap anak-anak akan hanya menimbulkan perasaan memberontak anak-anak terhadap ibu bapa. Kewibawaan dan pengawalan ibu bapa yang keterlaluan akan mendatangkan kesan yang buruk kepada perkembangan pemasyarakatan kanak-kanak (Atan Long, 1982).

Selain daripada itu, ibu bapa haruslah mencorakkan perlakuan nilai-nilai murni yang ketara untuk dicontohi anak-anak mereka. Kenyataan ini disokong oleh Delattre dan Russell (1993) yang juga mengatakan kanak-kanak senang terikut-ikut dengan tingkah laku orang dewasa. Ibu bapa seharusnya menunjukkan nilai-nilai murni seperti baik hati, berhemah tinggi, hormat menghormati, keadilan, kebersihan, kerjasama, semangat bermasyarakat dan banyak lagi nilai murni dalam perlakuan mereka sehari-hari terhadap ahli keluarga serta masyarakat secara umumnya. Bak kata pepatah Melayu, "Bapa borek anak rintik."

H2: Hubungan antara pengaruh rakan sebaya dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar.

Hasil daripada keputusan kajian telah menunjukkan tiada perhubungan positif yang signifikan di antara pengaruh rakan sebaya dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar ($r = -0.07$, $p > 0.05$). Ini bermaksud rakan sebaya tidak mempunyai sebarang pengaruh di kalangan pelajar-pelajar sendiri dalam mempengaruhi mereka dalam penerapan nilai-nilai murni. Dapatan ini adalah bertentangan dengan keputusan kajian yang didapati oleh Schunk (1987), serta Schunk dan rakan-rakan (1987). Mereka mengatakan kebanyakan kanak-kanak adalah berkecenderungan untuk

mengikut perlakuan rakan-rakan sebaya atau orang dewasa. Pengaruh perlakuan sosial pula adalah lebih kuat dari model rakan sebaya kepada seorang kanak-kanak berbanding dengan pengaruh dari orang dewasa sekiranya kanak-kanak itu menganggap perlakuan yang ditunjukkan oleh rakan sebayanya adalah lebih bersesuaian dengan perlakuan diri mereka.

Walau bagaimanapun, percanggahan keputusan ini mungkin boleh diperjelaskan oleh faktor umur. Schunk dan rakan-rakan (1987) telah membuat kajian hanya kepada 80 pelajar yang berada di antara gred empat dan enam sahaja. Pelajar-pelajar ini berada dalam lingkungan umur di antara 9 tahun 3 bulan hingga ke 12 tahun 7 bulan. Menurut Atan Long (1982), sememangnya kanak-kanak pada peringkat umur ini, iaitu peringkat pertengahan zaman kanak-kanak mudah dipengaruhi oleh rakan-rakan sebaya. Penerimaan daripada kumpulan rakan sebaya adalah penting kepada kanak-kanak dan sebaliknya kalau mereka tidak diterima oleh kawan sebaya, mereka akan merasa rendah diri. Walau bagaimanapun umur responden yang digunakan dalam sampel kajian ini sudah berada dalam peringkat remaja. Di peringkat remaja pula, Atan Long (1982) mengatakan kanak-kanak di masa ini lebih cenderung untuk menonjolkan diri mereka. Mereka tidak semestinya bergantung kepada rakan sebaya atau kumpulan mereka berada. Aspek ini berkemungkinan menjadikan responden-responden yang dipilih tidak semudah dipengaruhi oleh kata-kata atau perlakuan rakan-rakan sebaya mereka. Dengan sebab inilah faktor rakan sebaya tidak dilihat sebagai faktor yang signifikan dalam mempengaruhi penerapan nilai-nilai murni mereka.

H3: Hubungan antara pengaruh media massa dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar.

Hasil keputusan kajian menunjukkan wujudnya perhubungan negatif yang signifikan di antara pengaruh media massa dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar ($r = -0.22$, $p < 0.0005$). Secara keseluruhannya, terdapat perhubungan negatif yang sederhana di antara pengaruh media massa dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Ini bermakna semakin kuatnya pengaruh media massa dalam mempengaruhi perlakuan pelajar-pelajar, semakin kuranglah penerapan nilai-nilai murni di kalangan mereka.

Kenyataan yang didapati ini disokong oleh penyelidikan yang dibuat oleh Greenberg (1976, dirujuk oleh Mohamad Md Yusoff, 1993) yang mendapati terdapat perhubungan positif yang signifikan di antara penontonan program jenayah khususnya di televisyen dan keganasan tingkah laku kanak-kanak. Ini bermakna penerapan nilai-nilai murni kurang berlaku akibat daripada penontonan program jenayah televisyen tersebut. Boleh dikatakan pengaruh kuat daripada media massa terutamanya televisyen banyak mempengaruhi dan membentuk budi pekerti kanak-kanak dan para remaja. Menurut Wright (1985, dirujuk oleh Mohamed Md. Yusoff, 1993) penerapan nilai-nilai di sebalik setiap rancangan, iklan dan mesej akan memberi kesan yang sedikit sebanyak mempengaruhi orientasi tingkah laku seseorang individu.

Satu kajian yang telah dijalankan oleh CAP (1984, dirujuk oleh Mohamed Md. Yusoff, 1993) mengenai kesan keganasan siaran televisyen ke atas kanak-kanak di Malaysia, telah melaporkan bahawa kanak-kanak mempelajari peniruan dan pemerhatian aksi-aksi

perlakuan dari televisyen. Hasil kajian tersebut telah melaporkan bahawa telah berlakunya peristiwa beberapa orang kanak-kanak yang telah menemui ajal atau mengalami kecederaan setelah meniru dan terikut-ikut gelagat 'Superman' dan 'Greatest American Hero' yang disangkakan boleh terbang dari bangunan tinggi.

Menurut Rahmah Hashim (1991, dirujuk oleh Mohamad Md Yusoff, 1993), program-program televisyen di Malaysia baik drama, hiburan dan sebagainya tidak banyak menonjolkan adegan keluarga bahagia. Mesej yang sering dipaparkan berkisar sekitar soal perkelahian, percintaan dan konflik yang tidak memungkinkan pembentukan jiwa dan mental yang dikehendaki. Penonton seolah-olah dilalaikan dengan unsur-unsur keganasan dan seks yang dijadikan santapan setiap hari.

Maka adalah perlu direnungkan kembali fungsi sebenar televisyen, filem dan iklan sebagai sumber maklumat, pendidikan dan hiburan. Pihak penggubal dasar dan pembuat keputusan di dalam industri penyiaran perlu membuat penelitian yang lebih mendalam serta penapisan yang terperinci tentang mesej yang tersirat serta watak yang dipaparkan dalam setiap rancangan televisyen, filem dan iklan yang akan disiarkan untuk tontonan masyarakat. Masa penayangan filem, rancangan televisyen dan iklan haruslah disesuaikan dengan penonton-penonton khasnya klien sasaran seperti kanak-kanak dan pelajar-pelajar. Sewajarnya, pengaruh media massa boleh dikawal oleh pihak penggubal dasar di dalam industri penyiaran dalam memupuk nilai-nilai moral dan sosial yang mulia selaras dengan matlamat Wawasan 2020 yang inginkan rakyat Malaysia bermoral tinggi dan beretika, berkeyakinan tegas, teguh, dinamik dan tahan lasak di dalam tingkah lakunya. Peranan media massa di dalam pembangunan negara

secara keseluruhannya boleh merupakan satu alat propaganda penting dalam usaha kerajaan melaksanakan 'social engineering'nya. Ia boleh merupakan satu agen perubahan, agen sosialisasi dan sebagai 'agenda-setter' bagi kerajaan untuk rakyatnya.

H4: Hubungan antara pengaruh guru sebagai peranan model dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar.

Hasil keputusan kajian telah menunjukkan wujudnya perhubungan positif yang signifikan di antara pengaruh guru sebagai peranan model dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar ($r=0.33$, $p<0.0005$). Ini bermakna semakin kuat pengaruh guru sebagai peranan model, semakin banyak dan berkesan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Keputusan ini juga disokong oleh Bergem (1990) yang mendapati dalam kajiannya, guru seharusnya berperanan dan bertindak sebagai model kepada pelajar-pelajarnya.

Carr (1993) dalam perbincangannya menegaskan seorang guru yang berkesan dalam pengajaran nilai-nilai murni semestinya seorang individu yang jelas memaparkan dan menghayati nilai-nilai murni dalam kehidupan peribadinya. Ia mengajar dan mengamalkan sendiri apa yang diajarinya mengenai nilai-nilai murni tersebut. Beliau mengatakan seorang guru yang bermoral tinggi ialah seorang yang bercita-cita dalam mengejar nilai-nilai murni yang ideal dan unggul di samping mengenali dan mengatasi kegagalan dan kekurangan dalam dirinya. Abdul Rahman b Hj. Arshad (1980) dalam artikelnya "Pendidikan dan Perkhidmatan Panduan" mengatakan guru telah dipertanggungjawabkan bukan sahaja untuk meningkatkan kemajuan pelajaran murid

tetapi juga sebagai pembimbing atau penasihat dalam membentuk seorang insan yang baik. Seorang guru harus mempunyai ciri-ciri sebagai individu yang baik, berpengetahuan dan mahir dalam mengajar, bermoral serta bertanggungjawab kepada Allah dalam menjalankan tugas membentuk tingkah laku muridnya.

Delattre dan Russell (1993) juga memperkuatkan kenyataan bahawa guru seandainya mesti berusaha dalam menunjukkan watak-watak yang baik dalam usaha untuk menangani kepercayaan dan pemujaan pelajar-pelajar terhadap mereka. Peribadi dan watak guru memainkan peranan penting kerana kanak-kanak dan pelajar-pelajar tidak hanya dapat memperolehi nilai-nilai murni daripada bidang akademik yang dipelajari oleh mereka sahaja. Maka untuk menjadi seorang guru yang betul-betul 'layak' dan faham akan fungsinya sebagai 'agen perubahan' bagi masyarakat, guru tersebut haruslah bertanggungjawab dan berakauntabiliti atas segala pengajaran yang dilakukan olehnya (Schrag, 1995) samada secara langsung atau tidak langsung. Guru itu haruslah sentiasa bersedia untuk mengubah serta memperbaiki sikapnya yang kekurangan demi untuk menunjukkan satu peranan model yang lebih berkesan dalam menggalakkan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar.

Untuk memastikan proses pembelajaran dan pengajaran yang berteraskan nilai murni berjalan dalam suasana yang harmoni dan tidak diada-adakan, Arrifin bin Ba'ada (1986) mengatakan guru seharusnya terlebih dahulu mempunyai dan mengamalkan nilai murni ini. Ini jelas kerana guru adalah model dan rujukan yang muktamad kepada pelajar dan masyarakat dalam banyak perkara. Maka tidaklah hairan jika ada pepatah yang mengatakan "bila guru kencing berdiri, maka murid akan kencing berlari." Dalam

konteks peribahasa di atas, bapa itu adalah guru. Guru yang menjadi rujukan dan ikutan kepada anak didiknya. Jika begitu, guru perlulah terlebih dahulu memahami dan menghayati nilai-nilai murni sebelum ia dapat dihayati dan diamalkan oleh pelajar pula.

Atan Long (1982) mengatakan guru diharapkan menjadi pengganti ibu bapa, menjadi kawan dan orang yang boleh dipercayai oleh kanak-kanak untuk menyimpan rahsia mereka, menjadi penasihat dan pembimbing di dalam persoalan sahsiah; menjadi contoh kebudayaan orang dewasa; menjadi penyebar nilai kebudayaan yang dipersetujui oleh masyarakat, dan seterusnya menjadi pembimbing di dalam pembentukan sahsiah.

H5: Hubungan antara pengaruh pengajaran guru dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar.

Hasil daripada keputusan kajian ini telah menunjukkan wujudnya perhubungan positif yang signifikan di antara pengajaran guru dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar ($r=0.45$, $p < 0.0005$). Ini bermakna semakin berkesannya pengajaran nilai-nilai murni oleh guru, semakin banyak nilai-nilai murni yang akan diterapkan di kalangan pelajar-pelajar. Keputusan yang didapati ini adalah sejajar dengan kehendak KBSM. Dalam KBSM, tugas guru bukan sekadar menyampaikan ilmu tetapi perlu menerapkan nilai-nilai murni dalam setiap pengajarannya (PPK, 1986).

Mengikut PPK (1986), cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran nilai adalah kompleks. Cabaran yang utama mungkin datangnya daripada interpretasi nilai oleh seseorang individu. Memupuk nilai dalam diri individu memerlukan masa dan

kesabaran. Perubahan sikap dan tingkah laku yang diingini jarang berlaku dalam sekelip mata. Oleh yang demikian, dalam penyampaian pelajaran, guru seharusnya memperluaskan skop isi dan contoh supaya tidak sahaja meliputi hal-hal yang berkaitan dengan diri murid, tetapi situasi-situasi harian yang meliputi hubungan murid dengan masyarakat serta negaranya melalui pengalaman sendiri atau melalui media massa. Maka, jelaslah proses pengajaran dan pembelajaran nilai didatangi oleh beberapa cabaran. Jika guru-guru berhasrat mahu menerapkan nilai-nilai murni merentasi kurikulum, sesuatu contoh pengajaran dan pembelajaran haruslah mengambilkira cabaran-cabaran tersebut.

Selain daripada itu, kriteria-kriteria dalam proses pemilihan bakal-bakal guru yang melibatkan sistem latihan, sama ada latihan pra-perkhidmatan ataupun latihan dalam perkhidmatan juga harus diberi perhatian yang teliti. Mampukah sistem ini terus dapat melatih guru-guru secara berkesan? Atan Long (1982) memperkuuhkan kenyataan ini dengan mengatakan kebanyakan sifat yang baik terdapat daripada guru adalah hasil daripada latihan dan kesedaran hendak mencapai matlamat sebagai seorang guru yang baik.

Walau bagaimanapun, dapatan daripada Ismail Jusoh dan Zurida Ismail (1994) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan pendapat tentang nilai-nilai murni serta amalan penerapan nilai murni di kalangan guru-guru pelatih. Dapatan ini menunjukkan wujudnya ketidakseragaman tentang pemahaman nilai-nilai murni serta amalan penerapan nilai yang berlaku di kalangan bakal-bakal guru ini. Pihak-pihak yang mengendalikan kursus-kursus dalam perkhidmatan haruslah menyedari pewujudan

perbezaan ini dan cuba untuk menambahkan kesedaran dan pemahaman nilai-nilai murni di kalangan guru-guru pelatih supaya pengetahuan yang diperolehi oleh mereka dapat dipraktikkan dalam pengajaran mereka kelak. Memperbanyakkan jenis-jenis kursus dengan tujuan untuk memberi peluang pendedahan kepada guru-guru pelatih ini harus dipertingkatkan. Kandungan kursus tersebut haruslah diberi keutamaan supaya dapat menyedarkan serta mengubah sikap guru tersebut.

Cabaran yang selanjutnya ialah mengenai aspek penilaian pengajaran dan pembelajaran oleh guru-guru sendiri. Dalam mengenalpasti apakah perkara yang hendak dinilai, guru-guru sendiri haruslah mengaitkan objektif-objektif pengajaran hariannya dengan tujuan KBSM secara keseluruhannya. Adakah pengajaran nilai-nilai murni yang diperlukan dalam setiap pengajaran disampaikan kepada pelajar-pelajarnya? Untuk melihat dari segi keberkesanannya penerapan nilai-nilai murni hasil daripada pengajarannya, guru tersebut boleh sentiasa menilai sikap tingkah laku pelajar-pelajar sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Demikian juga, PPK (1986) mencadangkan supaya penilaian hendak dibuat ke atas cara murid bergaul, menghargai hak dan kebolehan orang lain dan mempunyai semangat toleransi, guru hendaklah sentiasa memerhati dan menilai bagaimana setiap murid bertindak balas dan berinteraksi di dalam dan di luar bilik darjah.

H6: Perbezaan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam penerapan nilai-nilai murni

Hasil daripada keputusan kajian ini telah menunjukkan wujudnya perbezaan yang signifikan di antara pelajar-pelajar lelaki dan pelajar-pelajar perempuan dalam

penerapan nilai-nilai murni di kalangan mereka ($t = -4.58$, $p < 0.0005$). Ini bermakna terdapat perbezaan ketara dari segi jantina dalam kecenderungan penerapan nilai-nilai murni tersebut. Kenyataan ini juga disokong oleh Ismail Jusoh dan Zurida Ismail (1994) yang mendapati terdapat perbezaan dalam pengamalan dan penerapan nilai-nilai murni di antara guru-guru pelatih lelaki dan perempuan. Keadaan ini secara tidak langsung akan mempengaruhi penerapan nilai-nilai murid di kalangan pelajar-pelajar apabila guru-guru pelatih ini menjadi pendidik di sekolah kelak. Walau bagaimanapun, dapatan ini tidak disokong oleh dapatan Zalina Ab. Rahman (1990) yang mendapati bahawa faktor jantina tidak menunjukkan sebarang pengaruh dalam penghayatan dan pengamalan di antara guru-guru dalam perlaksanaan penerapan nilai-nilai murni dalam KBSM. Dapatan yang bercanggahan ini mungkin boleh diperjelaskan dengan bilangan saiz sampel yang berlainan yang digunakan di antara kajian yang telah dijalankan oleh Zalina Ab. Rahman (1990) dengan penyelidik. Zalina Ab. Rahman (1990) hanya menggunakan maklumbalas daripada 62 orang guru sebagai respondennya jika dibandingkan dengan maklumbalas daripada bilangan seramai 341 responden yang digunakan oleh penyelidik. Bilangan sampel yang lebih besar yang digunakan oleh penyelidik sememangnya lebih berkecenderungan untuk menunjukkan perbezaan di antara penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar lelaki dan perempuan jika dibandingkan dengan hanya sebilangan kecil responden yang dipilih. Selain daripada itu, responden yang dipilih oleh Zalina Ab. Rahman (1990) adalah terdiri daripada guru-guru terlatih yang dewasa. Di peringkat umur ini, mereka adalah matang dan berada di dalam kemuncak perkembangan dan penyesuaian diri iaitu mencapai keutuhan hidup (Atan Long, 1982) jika dibandingkan dengan responden penyelidik yang hanya terdiri daripada para remaja yang berada dalam lingkungan umur 16 - 17 tahun. Pada

peringkat umur ini, mereka masih mengalami keharuan peribadi dan kerap kali terlibat dalam kenakalan, penentangan dan mengkhuatiri diri sendiri (Atan Long, 1982).

Atan Long (1982) seterusnya menjelaskan bahawa peringkat menjelang remaja yang bermula pada umur 12-14 tahun ini, sifat kejantinaan telah mula timbul dan kanak-kanak diharapkan mempunyai tingkah laku yang sesuai dengan jantina mereka. Perbezaan sifat jantina ini biasanya menimbulkan pertentangan kelakuan di antara kanak-kanak lelaki dengan kanak-kanak perempuan. Pada peringkat ini juga, mereka cenderung untuk menentang peraturan dan ukurtara yang dibuat oleh orang dewasa. Dengan melalui perhubungan mereka dengan kanak-kanak yang datangnya daripada berbagai latar belakang, mereka berpeluang mendapat buah fikiran dan pendapat yang berlainan daripada yang biasa di dalam keluarga mereka. Maka ini menyebabkan mereka mula mempersoalkan peraturan yang biasa di buat oleh ibu bapa mereka. Pada peringkat ini juga, kanak-kanak mula mempelajari yang mereka mempunyai peranan yang mesti dimainkan dan mesti mendapat tempat di dalam kumpulan kawan mereka yang mereka pilih untuk menjadi ahlinya.

Selain daripada itu, pada peringkat perkembangan tumbesaran ini, pelajar-pelajar perempuan menunjukkan sifat kemantangan jantina yang lebih cepat jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar lelaki (Atan Long, 1982). Ini juga akan mempengaruhi mereka dalam penunjukkan perwatakan serta penerapan nilai-nilai murni yang berbeza di kalangan mereka. Oleh sebab tiap-tiap kanak-kanak mempunyai sifat kecepatan perkembangannya yang sendiri, maka tidaklah boleh diharapkan yang semua kanak-kanak sama ada lelaki atau perempuan mempunyai tingkah laku yang sama walaupun

mereka mempunyai peringkat umur yang sama.

H7: Perbezaan di antara pelajar-pelajar berbangsa Melayu, Cina dan India dalam penerapan nilai-nilai murni

H8: Perbezaan di antara pelajar-pelajar beragama Islam, Buddha, Hindu dalam penerapan nilai-nilai murni

Kedua-dua bahagian ini dibincangkan bersama kerana menurut sampel penyelidikan, semua responden-responden berbangsa Melayu beragama Islam. Majoriti responden-responden Cina juga beragama Buddha dan begitu juga dengan responden-responden India yang berbangsa Hindu. Hanya dua responden Cina dan dua responden India yang beragama Kristian. Bilangan responden yang beragama Kristian adalah terlalu kecil (hanya menyumbang 1.2 % kepada sampel) untuk membolehkan sebarang dapatan menjadi signifikan. Dalam konteks Malaysia juga, kebanyakan orang Melayu sememangnya beragama Islam (Yahya Ismail, 1989). Majoriti besar orang Cina beragama Buddha dan sebanyak 87% daripada orang India menganut agama Hindu (Information Malaysia, 1994).

Kedua-dua hasil keputusan kajian menunjukkan wujudnya perbezaan yang signifikan di antara pelajar-pelajar yang berbangsa Melayu, Cina dan India ($f=5.33$, $p<0.05$) dan juga di antara pelajar-pelajar yang beragama Islam, Buddha dan Hindu ($f=4.45$, $p<0.005$) dalam penerapan nilai-nilai murni. Ini bermakna terdapatnya perbezaan dalam bangsa dan agama pelajar dalam kecenderungan penerapan nilai-nilai murni di kalangan mereka. Kedua-dua kenyataan ini juga disokong oleh dapatan Ismail Jusoh

(1994) yang menunjukkan terdapat perbezaan dalam pengamalan dan penerapan nilai-nilai murni di antara kumpulan etnik dan penganutan keagamaan yang berlainan di kalangan guru-guru pelatih.

Memandangkan bangsa yang berbeza mempunyai pengamalan nilai budaya, nilai universal, nilai tradisi yang berlainan (Yahya Ismail, 1989), maka penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar yang berbeza bangsa tentulah juga menunjukkan perbezaan yang ketara. Begitu juga dengan kehendak pengajaran agama yang berlainan juga mempunyai pengamalan dan pengajaran masing-masing yang berlainan. Pengajaran daripada mazhab dan kitab yang berlainan akan memberikan pendekatan pengamalan yang berlainan (Information Malaysia, 1994). Ini juga secara tidak langsung akan mempengaruhi perubahan tingkah laku serta penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar yang berlainan keagamaan.

Menurut Atan Long (1982), pewarisan yang diterima oleh seseorang itu adalah unik, tiap-tiap seorang individu pula mendapat pengaruh alam sekeliling yang berbeza, maka hasil daripada interaksi kedua-dua aspek yang unik ini tidak dapat tidak akan menghasilkan suatu sistem psikologi dan jasmani yang tersendiri pula sifatnya. Dengan sebab itu, tidaklah menghairankan kalau seseorang itu mempunyai tingkah laku, pandangan, sikap, pengalaman, pendirian dan tindakan yang tersendiri di dalam menghadapi sesuatu masalah di dalam alam sekelilingnya dan juga cara penyesuaianya terhadap keadaan tersebut.

Dalam keputusan kajian, adalah didapati pelajar-pelajar berbangsa Cina dan India

menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam penerapan nilai-nilai murni jika dibandingkan dengan bangsa Melayu. Oleh kerana responden pelajar-pelajar Cina (seramai 86 orang/ 25.2%) dan pelajar-pelajar India (seramai 43 orang/ 12.6%) adalah kecil bilangannya berbanding dengan pelajar-pelajar Melayu (212 orang/ 62.2%) dari keseluruhan sampel, maka perubahan dalam bilangan responden pelajar-pelajar Cina dan India yang menerapkan nilai-nilai murni akan menghasilkan suatu perubahan peratusan yang besar dan ketara jika dibandingkan dengan sebarang perubahan dalam bilangan responden di kalangan pelajar-pelajar Melayu. Aspek ini mungkin menerangkan kenapa pelajar-pelajar Cina dan India lebih cenderung untuk menerapkan nilai-nilai murni berbanding dengan pelajar-pelajar Melayu.

H9, H10 dan H11: Perbezaan di antara jenis pekerjaan ibu bapa, pendapatan bulanan ibu bapa dan tahap pendidikan ibu bapa pelajar-pelajar yang berlainan dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar.

Hasil keputusan kajian telah menunjukkan tidak wujudnya perbezaan yang signifikan di antara kesemua faktor seperti jenis pekerjaan ibu bapa, pendapatan bulanan ibu bapa serta tahap pendidikan ibu bapa yang berlainan dengan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar. Dapatan ini adalah bertentangan daripada Myers et al (1987) yang mendapati keadaan situasi keluarga seperti tahap pendidikan ibu dan pendapatan keluarga memainkan peranan yang penting dalam menentukan tingkah laku seseorang kanak-kanak. Vacha dan McLaughlin (1992) juga mendapati ciri-ciri struktur sosial yang berkorelasi dengan pelajar-pelajar berisiko tinggi ialah kelas sosio-ekonomi serta struktur sesebuah keluarga. Kemahiran dan pengamalan kekeluargaan sememangnya menunjukkan pengaruh dalam menentukan sama ada seseorang kanak-kanak itu

berkemungkinan berada dalam risiko tinggi atau tidak. Pendapatan keluarga serta pencapaian pendidikan ibu bapa juga mempunyai pengaruh terhadap kemampuan sumber keluarga dalam membantu anak-anak mereka dalam bidang pelajaran.

Keadaan yang tidak signifikan ini berlaku berkemungkinan kerana sampel ibu bapa responden-responden yang dipilih adalah kebanyakannya terdiri daripada kategori jenis pekerjaan yang sama. Majoriti mereka berkumpul dalam kategori perkhidmatan dan pertanian. Hanya segelintir sahaja ibu bapa responden yang berkhidmat dalam bidang profesional. Begitu juga dengan kategori pendapatan bulanan ibu bapa responden-responden. Hampir 80.6% pendapatan ibu bapa responden berada dalam tahap sederhana dan miskin. Kebanyakan daripada ibu bapa responden juga mempunyai pengajian akademik mereka setakat sekolah rendah sahaja. Memandangkan kecenderungan semua sampel ibu bapa responden kepada satu kategori jenis pekerjaan, pendapatan bulanan dan tahap pendidikan yang sama, maka kewujudan satu perbezaan yang signifikan tidak boleh didapati.

IMPLIKASI UNTUK LATIHAN DAN PENYELIDIKAN

Implikasi yang akan dinyatakan dalam bahagian ini merangkumi implikasi untuk pengurus dan pihak-pihak pengamal (practitioners) serta untuk teori dan penyelidikan akan datang.

Implikasi untuk Pengurus dan Pihak-Pihak Pengamal (Practitoners)

Pengurus yang diaplikasikan dalam konteks ini adalah ditujukan khasnya pada pihak pengurus sekolah dan pihak-pihak pengamal yang dirujuk adalah golongan guru-guru

yang terlibat dalam sistem pendidikan di Malaysia. Memandangkan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar adalah satu proses yang begitu penting dalam membantu pembentukan seorang individu yang 'seimbang', maka faktor-faktor yang memainkan peranan dalam mempengaruhi aspek penerapan nilai-nilai murni ini harus diberi perhatian yang amat serius.

Pihak pengurus sekolah harus memastikan pengimplementasian pendidikan nilai merentasi kurikulum dilaksanakan dan dikawal perjalannya supaya mengikuti kehendak KBSM dan sahutan FPN. Objektif-objektif sukatan pelajaran harus diikuti dan diajarkan ke dalam pengajaran guru sehari-hari. Pengurusan guru secara efektif serta penentuan kelincinan perlaksanaan pendidikan nilai merentasi kurikulum boleh dilakukan dengan pencerapan dan pengawasan yang teliti oleh pihak pengurus sekolah ke atas guru-guru serta pelajar-pelajar sekolah tersebut. Langkah-langkah pengawasan dan pencerapan yang dijalankan oleh pihak pengurus bukan bertujuan untuk mencari salah silap atau kecacatan guru dan murid tetapi bertindak sebagai satu pemuaafakatan dan kerjasama antara pihak guru, pelajar dan pengurus sekolah dalam mencapai kata sepakat serta sama-sama berjuang dalam mencapai dan menjayakan Falsafah Pendidikan Negara.

Perlaksanaan peraturan sekolah dengan sistem disiplin yang ketat harus diikuti oleh semua pihak dalam institusi sekolah. Pengurus sekolah, guru, pelajar serta semua pihak yang terlibat secara langsung dengan sekolah tidak harus dikecualikan daripada tidak mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Pihak pengurus sekolah haruslah bertanggung jawab dan menunjukkan panduan yang baik untuk dicontohi sebagai

peranan model oleh guru-guru dan pelanggan yang paling penting di sekolah, iaitu pelajar-pelajar. Pucuk pemimpin sekolah mestilah mengamalkan sifat-sifat nilai murni supaya dapat diteladani oleh pengikut-pengikutnya.

Pihak sekolah harus mempergiatkan dan mengawal perlaksanaan aktiviti ko-kurikulumnya supaya dimanfaatkan oleh semua pelajar-pelajar dengan cara yang paling berkesan. Penekanan pada aktiviti ko-kurikulum dapat menerapkan banyak nilai-nilai murni yang boleh dipelajari dan diamalkan oleh pelajar-pelajar samada secara langsung atau tidak secara langsung. Nilai-nilai murni seperti kerjasama, semangat bermasyarakat, rasional dan banyak lagi boleh diterapkan secara semulajadi melalui aktivit-aktiviti ko-kurikulum yang dianjurkan samada melalui sukan, persatuan dan juga pasukan-pasukan beruniform di sekolah.

Pembinaan muafakatan pendidikan antara sekolah, keluarga dan komuniti memainkan peranan penting dalam sama-sama bekerjasama demi untuk faedah dan kebaikan pelajar-pelajar dari aspek perkembangan tingkah laku dan pencapaian akademiknya. Cadangan pembinaan pemuaafakatan antara sekolah, keluarga dan komuniti boleh dibuat berdasarkan Rangkakerja Epstein (Epstein, 1995) yang merangkumi enam jenis penglibatan dan pengamalan. Penglibatan pertama ialah aspek kekeluargaan (parenting) di mana sekolah berfungsi membantu semua keluarga dalam pembentukan persekitaran kekeluargaan (home environment) dalam menyokong kanak-kanak sebagai pelajar sekolah. Antara pengamalan yang boleh dilakukan termasuk penganjuran bengkel dan pendidikan untuk ibu bapa dalam pengasuhan anak-anak mereka. Penglibatan kedua ialah aspek komunikasi dwihala yang efektif di antara sekolah

dengan rumah dalam merekabentuk program-program sekolah untuk kemajuan pelajar-pelajar. Penglibatan ketiga ialah aspek kesukarelawan, iaitu sekolah menggrekrut dan mendapatkan sokongan dan kerjasam ibu bapa dalam hal pentadbiran dan penyelesaian masalah pelajar. Penglibatan keempat termasuk pembelajaran di rumah di mana sekolah memberi maklumat dan idea kepada waris-waris tentang cara mereka boleh membantu pelajar-pelajar dalam pembelajaran di luar waktu sekolah. Penglibatan kelima termasuk peluang kepada waris dalam membuat keputusan bersama dengan pihak sekolah mengenai rancangan-rancangan di sekolah. Akhir sekali ialah pemuaafakan pihak sekolah dengan masyarakat dalam mengenalpasti dan mengintegrasikan sumber-sumber serta perkhidmatan yang sedia ada dan terpendam dalam masyarakat untuk menjayakan program-program sekolah.

Latihan pra-perkhidmatan ataupun latihan dalam perkhidmatan untuk bakal-bakal guru yang dijalankan oleh institusi perguruan ataupun institusi-institusi latihan dan pengajian tinggi harus memastikan dan menitikberatkan penerapan nilai-nilai murni betul-betul difahami serta diamalkan oleh guru-guru pelatih itu sendiri dan seterusnya disebarkan dalam pengajaran sehari-hari.

Untuk memastikan supaya penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar menjadi lebih berkesan, Kelab Rakan Muda boleh diwujudkan di semua peringkat persekolahan dalam negara ini. Ini adalah kerana Program Rakan Muda ini mempunyai empat elemen utama bagi pembentukan belia berawasan dan bermoral tinggi. Elemen itu ialah pembentukan nilai positif, penerapan nilai-nilai keagamaan serta moral yang mulia, pembentukan serta perubahan minda yang baik dan perubahan paradigma di

kalangan anak muda (Nurul Adlina Kamaludin, Berita Harian, 26 Julai, 1995).

Implikasi untuk Teori dan Penyelidikan Masa Depan

Memandangkan penyelidik telah menjalankan kajian mengenai beberapa faktor yang mempengaruhi penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar, maka adalah dicadangkan bahawa penyelidikan seterusnya ke atas faktor-faktor pengaruh yang lain seperti penelitian ke atas pembahagian masa yang diluangkan oleh pihak ibu bapa terhadap anak-anak mereka, aktiviti-aktiviti keluarga yang boleh mengeratkan perhubungan dan persefahaman ibu bapa dan anak-anak serta kaedah-kaedah pengajaran yang sesuai yang boleh dilakukan di sekolah-sekolah untuk membantu pelajar-pelajar dalam penerapan nilai-nilai murni yang lebih berkesan juga boleh dikenalpasti.

Kajian ini juga patut direplikasikan untuk semua pelajar-pelajar di seluruh negara mulai dari peringkat sekolah rendah lagi. Ini disebabkan penerapan nilai-nilai murni bukan sahaja berlaku pada peringkat remaja tetapi bermula pada peringkat umur yang lebih awal lagi. Bak kata pepatah, " Melentur buluh biar dari rebungnya." Penekanan terhadap pendedahan awal penerapan nilai-nilai murni haruslah dimulakan pada peringkat tadika lagi. Penekanan masyarakat masa kini yang lebih kepada aspek akademik yang terlalu berorientasikan peperiksaan secara tidak langsung menyebabkan pengabaian ke atas penerapan nilai-nilai murni yang begitu penting dalam membantu pembentukan seseorang individu yang 'seimbang' seperti yang diharapkan oleh Falsafah Pendidikan Negara.

Perlaksanaan pendidikan dan pengajaran nilai merentasi kurikulum kurang mendapat perhatian pelajar-pelajar kerana ia bukan merupakan satu matapelajaran yang akan diuji dalam peperiksaan awam kerajaan seperti PMR, SPM dan STPM. Begitu juga dengan pihak guru yang kurang menitikberatkan kepada aspek pengajaran nilai-nilai murni dalam pengajaran mereka kerana keberkesanan dalam penerapan nilai-nilai murni ini sukar diuji dalam bentuk penilaian bertulis ataupun amali. Ini mungkin disebabkan apa yang ditulis dan dinyatakan tidak semestinya dipraktikkan oleh seseorang pelajar tersebut. Adalah diharapkan kajian-kajian masa hadapan dapat menerokai dengan lebih mendalam aspek pengukuran ke atas keberkesanan perlaksanaan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar dari perspektif domain afektif individu tersebut.

LIMITASI KAJIAN

Memandangkan kajian ini telah dijalankan di daerah Hilir Perak sahaja, segala dapatan kajian ini hanya boleh dibincangkan dalam konteks di mana kajian ini dibuat. Adalah dicadangkan supaya kajian yang lebih meluas ke seluruh negara dapat dijalankan di masa-masa akan datang untuk mendapatkan pengukuhan dan kesahihan yang lebih mengenai penerapan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar.

Kajian ini hanya menumpukan pada sampel yang merangkumi pelajar-pelajar Tingkatan Empat sahaja. Maka dapatan yang diperolehi hanya boleh mewakili dan membahaskan pada kumpulan sasaran Tingkatan Empat sahaja. Oleh kerana, populasi kajian (2977 pelajar) hanya diwakili oleh sampel seramai 341 responden, maka ralat perselisihan sampel mungkin berlaku.

Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik yang hanya mengemukakan pernyataan-pernyataan untuk mendapatkan maklumbalas daripada responden-responden. Limitasi dari segi istilah dan cara pernyataan-pernyataan itu dikemukakan mungkin berlaku. Kecenderungan pelajar-pelajar untuk tidak menjawab dengan jujur mungkin juga berlaku.

Pembatasan penyiapan penyelidikan dalam masa yang begitu terhad serta perbelanjaan kos yang tinggi juga merupakan kekangan yang menyebabkan kajian tidak dapat dijalankan pada skala yang lebih luas untuk mendapatkan perwakilan populasi yang lebih tepat.

Walau bagaimanapun, penyelidik berkeyakinan dengan limitasi kajian yang dihadapi, penyelidik masih dapat menghasilkan suatu dapatan kajian yang boleh dipercayai dan sahih ke atas sampel yang diukur berdasarkan pada metodologi penyelidikan yang sistematis yang telah diterangkan secara mendalam di Bab 3.

KESIMPULAN

Demi merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara dalam pembentukan insan yang seimbang, penerapan nilai-nilai murni adalah satu aspek yang mesti dipandang secara serius. Segala strategi dan objektif yang ingin dicapai mesti benar-benar dilaksanakan dan bukan sekadar berkempen dan berceramah untuk jangka pendek sahaja. Ia harus dijalankan secara berkesinambungan dalam amalan hidup harian dan dijadikan sifat semulajadi dalam setiap insan.

BIBLIOGRAFI

- Abd. Rahim Abd Rashid. (1993). *Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman bin Hj. Arshad. (1980). Pendidikan dan Perkhidmatan Panduan. *Suara Pendidik*, 6(3).
- Abdul Rahman bin Md. Aroff. (1991). Makna Moral. *Jurnal Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia*, 75(35), 53-59.
- Arrifin bin Ba'ada. (1986). Penerapan Nilai-Nilai Merentasi Kurikulum - Ke Arah Melahirkan Generasi yang Harmonis. *Jurnal Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia*, 68(30), 41-48.
- Atan Long. (1982). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bergem, T. (1990). The Teacher as Moral Agent. *Journal Of Moral Education*, 19(2), 88-100.
- Carr, D. (1991). Education and Values. *British Journal of Educational Studies*, 19(3), 244-259.
- Carr, D. (1993). Moral Values and the Teacher: Beyond the Paternal and the Permissive. *Journal of Philosophy of Education*, 27(2), 193-207.
- Delattre, E. J. , Russell, W. E. (1993). Schooling, Moral Principles and the Formation of Character. *Journal of Education*, 175(2), 23-43.
- Dornbusch, S. M. , Ritter, P. L. , Roberts, D. F. , & Fraleigh, M. J. (1987). The Relation of Parenting Style to Adolescent School Performance. *Child Development*, 58, 1244-1257.
- Elzey, F. F. (1983). *Pengantar Asas Statistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Epstein, J. L. (1995). School/Family/Community Partnerships. *Phi Delta Kappan*, 76(9), 701-712.

- Gable, R. K. , Wolf, M. B. (1993). *Instrument Development in the Affective Domain - Measuring Attitudes and Values in Corporate and School Settings.* USA: Kluwer Academic Publishers.
- Gecan, C. (1993). The Teacher's Place in the Formation of Students' Character. *Journal of Education*, 175(2), 45 - 57.
- Information Malaysia Yearbook. (1994). Kuala Lumpur: Berita Publishings Sdn. Bhd.
- Ismail Jusoh , Zurida Ismail. (1994/1995). The Understanding and Implementation of Values Education: Perceptions of Student Teachers. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 13, 86-98.
- Laporan Ekonomi 1994/1995, Kementerian Kewangan Malaysia. Percetakan Nasional Malaysia Berhad. Ibu pejabat, Kuala Lumpur.
- Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 1994. Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Mahathir bin Mohamad. (1991). Malaysia: The Way Forward. *Working Paper Malaysian Business Council*, 28 February, Kuala Lumpur.
- Mat Peringat. (1993, 9 Ogos). Pelajaran Agama Boleh Atasi Budaya Lepak. *Berita Harian*.
- Mc Millan, H. , Schumacher, S. (1989). *Research in Education: A Conceptual Introduction.* Glenview: Scott, Foresman and Company.
- Mohamad Md. Yusoff. (1993). *Media dan Masyarakat - Satu Kumpulan Esei.* Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Yamin bin Mohamed Yusof. (1986). Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Buku Teks Bahasa Malaysia KBSM. *Jurnal Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia*, 68(30), 18 - 25.
- Myers, D. E. , Milne, A. M. , Baker, K. , Ginsburg, A. (1987). Student Discipline and High School Performance. *Sociology of Education*, 60, 18-33.
- Norusis, M. J. (1994) *SPSS 6.1 Guide to Data Analysis.* New Jersey: Prentice-Hall Inc.
- Nurul Adlina Kamaludin. (1995, 26 Julai). Empat Elemen untuk Rakan Muda. *Berita Harian*.
- Oppenheim, A. N. (1983). *Questionnaire Design and Attitude Measurement.* London: Heinemann Educational Books Ltd.

Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. (1986). Nilai-Nilai Murni Dalam KBSR: Cabaran untuk pendidik. *Jurnal Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia*, 68(30), 1-9.

Rancangan Malaysia ke Enam. Percetakan Nasional Malaysia Berhad. Ibu pejabat, Kuala Lumpur.

Roberson, M. T. , Sundstrom, E. (1990). Questionnaire Design, Return Rates and Response Favorableness in an Employee Attitude Questionnaire. *Journal of Applied Psychology*, 75(3), 354-357.

Ryan, K. (1993). Why A Center for the Advancement of Ethics and Character? *Journal of Education*, 175(2), 1 - 11.

Schrag, F. (1995). Teacher Accountability. *Phi Delta Kappan*. 76(8), 642-644.

Schunk, D. H. (1987). Peer Models and Children's Behavioral Change. *Review of Educational Research*, 57(2), 149-174.

Schunk, D. H. , Hanson, A.R. , Cox, P. D. (1987). Peer Model Attributes and Children's Achievement Behaviors. *Journal od Educational Psychology*, 79(1), 54-61.

Sekaran, U. (1992). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. New York: John Wiley & Son.

Siti Fatimah Abdul Rahman. (1993). *Ke Arah Negara Maju Berdasarkan Sistem Nilai*. Transkrip Forum Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Kuala Lumpur: Percetakan Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Soh Kay-cheng. (1990/1991). What Do Youths Value: Singapore Pre-University Students' views. *Southeast Asian Journal of Educational Studies*, 27/28, 49-56.

Suid bin Hanapi. (1989). Perubahan Sikap Ibu bapa Perlu Dalam Meningkatkan Disiplin Pelajar di Sekolah. *Jurnal Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia*, 72(33).

Takashi Koizumi. (1989). The Attitudes of Japanese Children and the Effects of Parental Behaviour. *Journal of Moral Education*, 18(3), 218-231.

Tuckman, B. (1978). *Conducting Educational Research*. Second edition. San Diego: Harcourt Brace Jovanovich Publishers.

Vacha, E. F. , McLaughlin, T. F. (1992). The Social Structural, Family, School, and Personal Characteristics of At-Risk Students: Policy Recommendations for School Personnel. *Journal of Education*, 174(3), 9-23.

Wan Mohd. Zahid bin Mohd Noordin. (1993). Pengisian Wawasan Pendidikan. *Kertas Utama Persidangan Pendidikan Nasional*, April 8-11, Institut Aminuddin Baki, Seri Layang.

Yahya Ismail. (1989). *The Cultural Heritage of Malaysia*. Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif Sdn. Bhd.

Zalina bt. Ab. Rahman. (1990). *Perlaksanaan Penerapan Nilai-nilai Murni dalam KBSM : Satu Tinjauan*. Kajian Ilmiah yang belum diterbit, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

LAMPIRAN A

SEKOLAH-SEKOLAH BANTUAN PENUH DAERAH HILIR PERAK

1. S. M. SERI PERAK, 36008 TELUK INTAN
2. S. M. SULTAN ABDULLAH, 36600 CHENDERONG BALAI
3. S. M. SULTAN ABDUL AZIZ, 36007 TELUK INTAN
4. S. M. RAJA MUDA MUSA, 36008 TELUK INTAN
5. S. M. ST. ANTHONY, 36008 TELUK INTAN
6. S. M. HORLEY METHODIST, 36008 TELUK INTAN
7. S. M. CONVENT, 36008 TELUK INTAN
8. S. M. SAN MIN, 36000 TELUK INTAN
9. S. M. DATO' SAGOR, 36700 LANGKAP
10. S. M. KHIR JOHARI, 36300 SUNGAI SUMUN
11. S. M. TUN ABDUL RAZAK, 36200 SELEKOH
12. S. M. SERI MUARA, 36100 BAGAN DATOH
13. S. M. VOKASIONAL PERTANIAN, 36000 TELUK INTAN
14. S. M. HUTAN MELINTANG, 36400 HUTAN MELINTANG
15. S. M. ULU BERNAM, 36500 ULU BERNAM, HILIR PERAK
16. S. M. SUNGAI MANIK, 36000 TELUK INTAN
17. S. M. SAINS, 36010 TELUK INTAN

LAMPIRAN B : SOAL SELIDIK PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI

BAHAGIAN A

Sebagai seorang pelajar, sila nyatakan pandangan anda terhadap kenyataan-kenyataan di bawah mengenai penerapan dan pengamalan nilai-nilai murni oleh anda dan guru anda.

Sila bulatkan skor yang bersesuaian dengan pilihan anda.

1 - Amat tidak setuju	2 - Tidak setuju	3 - Tidak pasti	4 - Setuju
5 - Amat setuju			

- | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. Ibu bapa saya sentiasa memberi bimbingan, nasihat dan ajaran tentang pengamalan nilai-nilai murni kepada saya. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 2. Ibu bapa saya tidak menitikberatkan tentang pembentukan akhlak yang baik. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 3. Saya kurang mendapat perhatian keluarga dari segi penerapan dan pengamalan nilai-nilai murni. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 4. Saya kurang mendapat didikan agama daripada ibu bapa saya di rumah. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 5. Ibu bapa saya sendiri mengamalkan nilai-nilai murni dalam perlakuan mereka. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 6. Saya sukar untuk mengamalkan nilai-nilai yang baik sebab ia bertentangan dengan nilai-nilai kawan saya. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 7. Saya kadangkala keliru dengan sikap kawan saya yang bertentangan dengan nilai-nilai yang baik. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 8. Saya senang mengikuti tingkah laku kawan saya sekiranya saya berpendapat ia adalah bersesuaian dengan perlakuan diri saya. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 9. Saya senang dipengaruhi oleh perlakuan kawan saya kerana semua rakan-rakan yang lain mengikuti perlakuannya. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

	1 - Amat tidak setuju 5 - Amat setuju	2 - Tidak setuju	3 - Tidak pasti	4 - Setuju		
10.	Saya mudah terpengaruh oleh rancangan televisyen, video dan filem.	1	2	3	4	5
11.	Saya mudah terpengaruh oleh gaya dan perlakuan artis-artis/pelakun-pelakun.	1	2	3	4	5
12.	Saya sentiasa cuba meniru aksi-aksi hebat yang ditunjukkan oleh artis kegemaran saya.	1	2	3	4	5
13.	Saya merasakan pengaruh media massa lebih memberikan kesan positif dalam mempengaruhi saya dalam menerapkan nilai-nilai murni.	1	2	3	4	5
14.	Guru saya merupakan peranan model yang terpenting dalam mempengaruhi saya dalam penerapan nilai-nilai murni.	1	2	3	4	5
15.	Guru saya mengamalkan sendiri nilai-nilai murni yang diajarnya.	1	2	3	4	5
16.	Saya bersetuju bahawa guru seharusnya menjadi peranan model kepada pelajar-pelajarnya.	1	2	3	4	5
17.	Pelajar-pelajar di sekolah menganggap guru mereka sebagai peranan model.	1	2	3	4	5
18.	Perhubungan saya dengan guru saya sentiasa mempengaruhi perkembangan peribadi dan kehidupan saya.	1	2	3	4	5
19.	Guru saya memasukkan ayat-ayat berunsur agama dalam pengajarannya.	1	2	3	4	5
20.	Saya memahami dan sedar tentang nilai-nilai murni yang diterapkan oleh guru saya dalam setiap waktu pengajarannya.	1	2	3	4	5
21.	Guru saya ada menjelaskan kepentingan nilai-nilai murni kepada kita dalam waktu pengajarannya.	1	2	3	4	5

1 - Amat tidak setuju	2 - Tidak setuju	3 - Tidak pasti	4 - Setuju	5 - Amat setuju
-----------------------	------------------	-----------------	------------	-----------------

- | | | | | | | |
|-----|--|---|---|---|---|---|
| 22. | Guru saya inginkan pelajar-pelajarnya menunjukkan perlakuan yang baik berdasarkan nilai-nilai murni yang telah dipelajari. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 23. | Guru saya sentiasa memberi teguran terhadap sikap yang tidak baik. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 24. | Guru saya sering mengalakkan pelajar-pelajarnya menyatakan nilai-nilai murni semasa perbincangan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 25. | Guru saya selalu mengingatkan pelajar-pelajarnya untuk memikirkan kesan pemerhatian dan pengamalan nilai-nilai murni dalam kehidupan harian. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 26. | Saya akan cuba menjauhi sikap yang tidak baik dalam peribadi saya. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 27. | Saya cuba mempratikkan sikap yang baik dalam tingkah laku saya. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 28. | Saya bersedia untuk menjadi seorang yang baik. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 29. | Saya telah mengetahui sikap yang baik. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 30. | Saya menyedari adalah tanggungjawab saya untuk mengamalkan nilai-nilai murni yang saya telah pelajari. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengkehendaki anda untuk menyatakan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan diri anda.

Sila tandakan (X) pada kurungan yang sesuai:

- | | | | | | |
|-----|---------|--------|-------|-----------|-------|
| 31. | Jantina | Lelaki | () | Perempuan | () |
| 32. | Bangsa | Melayu | () | Cina | () |
| | | India | () | Lain-lain | () |

33. Agama Islam () Buddha ()
Hindu () Kristian ()

34. Jenis pekerjaan (sila nyatakan)

Bapa _____ Ibu _____

35. Pendapatan sebulan (sila nyatakan)

Bapa _____ Ibu _____

36. Tahap Pendidikan

	<u>Bapa</u>	<u>Ibu</u>
Tiada bersekolah	()	()
Tamat sekolah rendah	()	()
Tamat Tingkatan 3	()	()
Tamat Tingkatan 5	()	()
Tamat Tingkatan 6	()	()
Maktab / Universiti	()	()

Sekian sahaja. Diucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama anda.



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

06010 UUM, Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Tel: 04-9241801 - 8 Cable: UTAMAS Telex: MA 42052 Fax/DL: 04-9241641

Pejabat Dekan Sekolah Siswazah

UUM/SS/80143

11 Mac 1995

KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

CIK TAN AI LEE - (KP 7424173)

Dengan ini adalah disahkan bahawa Cik Tan Ai Lee (KP 7424173) adalah pelajar siswazah program kembar UUM/IAB yang sedang mengikuti kursus Sarjana Sains (Pengurusan).

Diharap pihak tuan/puan dapat memberi bantuan dan kerjasama kepada pelajar ini untuk menjalankan penyelidikan berkaitan kerja kursus beliau.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

PROF. MADYA DR. IBRAHIM ABDUL-HAMID
Dekan
Sekolah Siswazah



BAHAGIAN PERANCANGAN DAN
PENYELIDIKAN PENDIDIKAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PARAS 2, 3 DAN 5, BLOK J,
PUSAT BANDAR DAMANSARA,
50604 KUALA LUMPUR

Telefon: 2556900
Kawat: "PENDIDIKAN"
Faks: 03-2554960

Ruj. Tuan:
KP(BPPP)13/15
Ruj. Kamld.43(93)
19 Jun 1995
Tarikh:

Cik Tan Ai Lee,
2, Eastern Garden,
Jalan Sg. Nibong,
36000 Teluk Intan,
Perak.

Puan,

**Kebenaran Bagi Menjalankan Kajian Ke Sekolah-Sekolah,
Jabatan-Jabatan Dan Institusi-Institusi Di Bawah
Kementerian Pendidikan Malaysia**

Adalah saya diarah untuk memaklumkan bahawa permohonan puan untuk menjalankan kajian mengenai

"Faktor-Faktor Berkaitan Dengan Penerapan Nilai-Nilai Murni Di Kalangan Pelajar-Pelajar Tingkatan 4 Di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Hilir Perak".

diluluskan.

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada hanya apa yang terkandung di dalam cadangan penyelidikan yang puan kemukakan ke Bahagian ini. Kebenaran bagi menggunakan sampel kajian perlu diperolehi daripada Ketua Bahagian/Pengarah Pendidikan Negeri yang berkenaan.

3. Puan juga dikehendaki menghantar senaskah hasil kajian puan ke Bahagian ini sebaik sahaja selesai kelak.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CINTAILAH BAHASA KITA"

Saya yang menurut perintah,

b/p *Amrin bin Hj. Rahman*

(HJ. MOHD. TAJUDIN B. HJ. ABDUL RAHMAN)
b.p. Pengarah Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan,
b.p. Pendaftar Besar Sekolah-Sekolah dan Guru-Guru,
Kementerian Pendidikan.

s.k.

Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Perak.

Prof. Madya Dr. Ibrahim Abdul Hamid,
Dekan,
Sekolah Siswazah,
UUM.



JABATAN PENDIDIKAN PERAK DARUL RIDZUAN,
JALAN TUN ABDUL RAZAK,
30640 IPOH.

Telefon: IPOH 503355
Fax: 05-547273

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: J.Pen.Pk./SULIT
4757/Jld.7(51)
Tarikh: 9 Safar 1416
7 Julai 1995

Cik Tan Ai Lee,
2, Eastern Garden,
36000 Teluk Intan.

Puan,

**KEBENARAN BAGI MENJALANKAN KAJIAN
KE SEKOLAH-SEKOLAH DI NEGERI PERAK.**

Saya diarah merujuk kepada surat permohonan puan bertarikh 7 Julai, 1995 dan surat Kementerian Pendidikan Malaysia KP(BPPP)13/15/Jld.43(193) bertarikh 19 Jun 1995 mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran adalah diberi untuk tuan menjalankan kajian yang bertajuk:

" Faktor-Faktor Berkaitan Dengan Penerapan Nilai-Nilai Murni di Kalangan Pelajar-Pelajar Tingkatan 4 di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Hilir Perak ".

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(MOHD. TAHIR BIN LOPE, PJK)
Ketua Penolong Pengarah,
Unit Pernubungan dan Pendaftaran,
b.p. Pendaftar Sekolah-sekolah,
Perak.

-/ha(pw)/(6)



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Sintok, 06010 Jitra, Kedah Darulaman, Malaysia. Tel: 04-741801 - 8 Cable: UTAMAS Telex: MA 42052 Fax: 04-741959.

Sekolah Siswazah

Kepada
Pengetua-pengetua
Sekolah-sekolah Menengah
Di daerah Hilir Perak
Perak Darul Ridzuan.

30 Jun 1995.

Melalui
Sekolah Siswazah
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
Kedah Darul Aman.

Tuan/Puan,

Penyelidikan Ilmiah Mengenai Penerapan Nilai-Nilai Murni Di Kalangan Pelajar-pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Daerah Hilir Perak

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa saya sedang mengikuti kursus Sarjana Sains (Pengurusan), iaitu program kembar yang ditawarkan oleh Institut Aminuddin Baki dan Universiti Utara Malaysia. Sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat program, saya dikehendaki membuat satu penyelidikan/penulisan ilmiah yang ada hubungannya dengan kursus yang diikuti. Penyelidikan yang akan dijalankan adalah berkenaan dengan penerapan nilai-nilai murni. Kebenaran untuk menjalankan penyelidikan telah diperolehi daripada Pengarah Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga daripada Ketua Bahagian/Pengarah Pendidikan Negeri Perak Darul Ridzuan.

2.0. Dengan demikian, saya sangatlah berharap mendapat kerjasama tuan/puan untuk menjayakan penyelidikan ini. Saya memohon jasa baik tuan/puan untuk membenarkan saya mengendalikan prosedur pengumpulan data melalui sesi pengisian soal selidik ke atas 20 orang pelajar Tingkatan Empat yang akan dipilih secara rawak oleh saya. Pengisian soal-selidik akan hanya mengambil 5 - 7 minit sahaja.

Sekian sahaja, saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih di atas kerjasama tuan/puan.

Yang benar,

TAN AI LEE
Program Sarjana Sains (Pengurusan)
Sekolah Siswazah
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok, Kedah.